AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 25 — RABU 19 JUN, 1985. — رابو 30 رمضان 1405 — PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika berangkat bagi menziarahi jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar di Kampong Sungai Tilong. Gambar oleh Rabaee Sabli.

## Kebawah DYTM Paduka Seri Begawan berangkat ziarahi jenazah

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam telah berangkat untuk menziarahi jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar di Kampong Sungai Tilong.**

**Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, bekas Speakar Majlis Mesyuarat Negeri telah mangkat pada pagi Selasa 11 Jun, 1985 yang lalu.**

**Turut berangkat termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, merangkap Timbalan Menteri Kewangan serta lain-lain Kerabat Diraja.**

# YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar mangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, bekas Speaker Majlis Mesyuarat Negeri, telah mangkat pada hari Selasa 11 Jun 1985 bersamaan dengan 22 Ramadan, 1405 Hijrah ketika berusia 78 tahun.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara adalah merupakan pegawai kerajaan yang paling lama berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam iaitu dalam tempoh masa 62 tahun.

Jenazah Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah selamat sempurna dikebumikan pada petang hari tersebut di Tanah Perkuburan Kianggeh di ibu negara.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah dilahirkan pada 9 September 1906 di Pekan Brunei. Yang Amat Mulia mula bersekolah dalam tahun 1914 di Bangunan Masjid Kampong Sultan Lama.

### MULA BERKHIDMAT

Mula memasuki perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1920 ketika berusia 14 tahun sebagai Kerani Apprentis di Pejabat Residen dan kemudiannya telah bertukar di Kuala Belait sebagai Kerani Kastam dalam tahun 1923.

Di antara tahun 1926 hingga 1928, Yang Amat Mulia memegang jawatan sebagai Kerani di Bandar Brunei dan di Daerah Tutong. Dan dalam tahun 1929 Yang Amat Mulia ditukar semula ke Kuala Belait sebagai Kerani Kastam.

Dalam tahun 1957, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara telah dilantik sebagai Pemangku Senior Kadi Daerah Belait dan dalam tahun 1958 dilantik selaku Pemangku Penolong Residen Daerah Belait.

### BERSARA

Pada tahun 1959 hingga 1961 Yang Amat Mulia telah dilantik menjadi Pegawai Daerah Belait. Dan dalam tahun 1962, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan tetapi perkhidmatannya telah disambung oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan memegang jawatan sebagai Pegawai Pentadbir.

Lihat muka 16

# NASIB ORANG-ORANG CACAT SENTIASA DIAMBIL BERAT

Oleh Ahat Ismail

BERAKAS. — Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya menegaskan, Kerajaan sentiasa mengambil berat perihal nasib orang-orang cacat di negara ini dengan memberikan pelbagai latihan dan bimbingan kepada mereka.

Katanya, melalui latihan serta bimbingan yang diberikan itu, orang-orang yang tidak bernasib baik sekurang-kurangnya akan dapat hidup berdikari dalam kehidupan seharian tanpa mengharapkan pertolongan daripada orang lain.

### LATIHAN

"Beberapa usaha sudahpun diambil khususnya oleh Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan tertentu dalam kerja-kerja membimbing dan memulihkan orang-orang cacat tertentu dan ini termasuklah memberi latihan kepada mereka itu, dengan ingatan mereka itu akan dapat pula menggunakan latihan yang diperolehi itu untuk membuat pekerjaan yang sesuai," ujarnya.

Selain daripada itu kata beliau, Kerajaan juga telah menghantar orang-orang cacat ke seberang laut bagi menjalani berbagai jenis latihan di pusat-pusat latihan di sana, dengan harapan apabila kembali ke tanahair nanti akan dapat meneruskan penghidupan dengan jayanya.

### KEBAJIKAN

Menurutnya, "Di negara-negara maju, selain daripada peranan yang dimainkan oleh Kerajaan, sebilangan besar daripada masyarakatnya adalah mengambil perhatian yang berat terhadap kebajikan mereka itu sehingga orang-orang cacat di negara tersebut tidak lagi merasakan diri mereka itu terbiar."

Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA yang berpuasa Ramadan lalu diikuti dengan puasa enam hari dari Syawal, maka seolah-olah ia telah berpuasa sepanjang abad." — Hadis Nabi



YANG Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar ketika menjadi Speaker Majlis Mesyuarat Negeri. — Gambar ihsan Majlis Mesyuarat-Mesyuarat Negara.

## SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

19 JUN, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KE ARAH MEMPERBAIKI KUALITI HIDUP DASAR KEBANGSAAN KESIHATAN KITA

NEGARA Brunei Darussalam telah diterima menjadi ahli penuh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada 25 Mac 1985 yang baru lalu. Buat pertama kalinya negara ini telah diberi peluang untuk menyampaikan ucapannya dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia kali ke-38 yang dilangsungkan di Geneva pada bulan Mei yang lalu.

Penerimaan ini membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa menaruh kepercayaan penuh terhadap kemampuan kita dalam menjamin serta memberikan mutu kesihatan yang wajar kepada semua rakyat dan penduduk negara ini.

Sesuai dengan konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja dalam mana Islam itu begitu dominan dan ajaran-ajarannya menggalakkan pengikut-pengikutnya agar sentiasa bersih dan sihat dari segi mental dan fizikal serta budi pekerti yang baik maka dasar kebangsaan kesihatan kita ialah diselaraskan ke arah memperbaiki kualiti hidup kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini kerana kualiti hidup yang sempurna berasaskan kepada ajaran Islam akan lebih memungkinkan kita untuk terus membangun negara di samping membolehkan kita meningkatkan kemurniaan Melayu Islam Beraja yang menjadi konsep kenegaraan kita.

Kekukuhan ekonomi di samping kemantapan sosio politik negara telah membolehkan kita untuk terus-menerus menerima perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan sama ada rakyat dan penduduk negara ini tinggal di dalam bandar mahupun yang tinggal jauh di pedalaman. Keranànya jua kita tergolong sebagai sebuah negara dan bangsa yang mempunyai taraf kehidupan yang tinggi, suatu kurnia Allah yang sememangnya kita syukuri.

Kemudahan-kemudahan asas yang lengkap tersedia dalam setiap rumah sakit di semua daerah di negara ini diperbantu dengan tenaga-tenaga yang berkelayakan dalam bidang kepakaran masing-masing bagi kemanfaatan tahap maksima perubatan dan kesihatan, di samping perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberikan secara percuma adalah merupakan sebahagian daripada langkah-langkah kementerian berkenaan dalam mencapai matlamat dasar kebangsaan kesihatan kita.

Kebersihan kita dalam mempertahankan taraf hidup yang tinggi serta menikmati tahap perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang berkualiti demi kelangsungan hidup yang sejahtera dan bahagia dalam sebuah negara yang serba berkebajikan ini dapat dilihat dengan perangkaan kadar kematian kanak-kanak damit yang bergiat rendah iaitu 12.7 peratus dan kadar kematian ibu-ibu yang mengandung menurun kepada 0.28 peratus manakala jangkaan hidup sejak lahir purata menjangkau 71 tahun.

Dalam pada itu kita berkeyakinan kementerian berkenaan akan sentiasa berusaha menyebarluaskan lagi kemajuan kesihatan kebangsaan yang bukan saja memerlukan penggunaan teknologi yang bersesuaian dan kepakaran tenaga manusia, malah adalah menjadi kewajipan setiap bangsa Brunei untuk tetap mempertahankan bahkan meninggikan taraf hidup yang sudah sedia ada dengan meningkatkan lagi kerjasama dalam apa jua rancangan-rancangan kemajuan kesihatan kebangsaan yang dihasratkan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan kita semua jua.

# Penyampaian hadiah menulis makalah dan cerpen

Oleh Johari HAL
Gambar-gambar oleh Maidin Jaya (JHEU)

GADONG. — Majlis penyampaian hadiah-hadiah peraduan Menulis Makalah Dan Cerpen Sempena Sambutan Israk Mikraj telah berlangsung di Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong pada 5 Jun lepas.

Upacara penyampaian hadiah-hadiah tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal Kadi Besar Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat di majlis yang disempenakan dengan memperingati Nuzul Al-Quran yang ke-25 tahun.

Seramai 13 peserta telah disenaraikan sebagai pemenang peraduan yang dianjurkan oleh Bahagian Dakwah dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Mereka adalah para pemenang menulis cerpen dan makalah dalam bahagian B dan C.

Menurut pengerusi peraduan bahawa peraduan tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A khusus untuk murid Sekolah Ugama Darjah IV — VI, Bahagian B bagi para penuntut sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi dan Bahagian C khusus kepada masyarakat umum.

Dalam bahagian B menenangi tempat ketiga ialah Sity Refeah Mohd. Yussof dengan tajuk makalah Perkembangan Sistem Pendidikan Islam di Brunei. Sementara itu para hakim peraduan memutuskan bahawa tempat pertama dan kedua tiada pemenang.

Di bahagian penulisan cerpen kumpulan B tempat kedua ialah Sity Refeah Mohd. Yussof tajuk cerpen 'Antara Dua Kota' dan Norazaman Majenis menduduki tempat ketiga dengan tajuk cerpen 'Kehilangan'.

Bahagian makalah kumpulan C pemenang pertama ialah Awang Wahab bin Haji Abdullah dengan tajuk makalah Ke arah Menghayati Hidup Beragama — Islam Sebagai Cara Hidup Yang Lengkap Lagi Sempurna (satu pandangan umum). Tempat kedua ialah Awang Jahri bin Haji Abd. Latif tajuk makalah Konsep dan Peranan Ibadat Dalam Islam dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Yakob Haji Metali tajuk makalah Ke arah Menjadikan Islam Sebagai Cara Hidup. „Pemenang-pemenang saguhati ialah Dy. Zaitunah Mohd. Ali, Awang Mirasan bin Haji Momin dan Awang Mohd. Firdaus Haji Nordin.

Sementara bahagian cerpen kumpulan C pemenang pertama ialah Awang Tarif Haji Abd. Hamid tajuk cerpen Roh, tempat kedua Awang Mohd. Firdaus Haji Nordin tajuk cerpen Apinya Tidak Membara Lagi dan tempat ketiga Johari Haji Tarif tajuk cerpen Saat Kematian. Pemenang-pemenang saguhati ialah Awang Mohd Zefri Arif Mohd Zain Arif, Awang Sawal Mat Jerah dan Ak Yakob Pg Ahmad.

Ianya diadakan antara lain bertujuan untuk memberi galakkan kepada penulis-penulis tanahair agar lebih bergiat dalam bidang karya sastera bercorak keIslaman.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Jawatankuasa Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata Gadong diselajurkan dengan upacara khatam Al-Quran dan bersambahyang tarawih.



YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei menyampaikan hadiah kepada Awang Yaakob bin Haji Metali pemenang ketiga menulis makalah bahagian umum. Beliau menerima hadiah wang tunai $300.00.



MAJLIS petang itu dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan diselajurkan dengan sembahyang fardu berjemaah dan majlis khatam Al-Quran yang disertai oleh jemputan-jemputan khas.

## Penyampaian derma anak-anak yatim

BERAKAS. — Kira-kira seribu orang anak-anak yatim seluruh negara telah menerima derma sempena Nuzul Al-Quran yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini Ahad lepas.

Penyampaian derma anak-anak yatim seluruh negara sempena dengan Nuzul Al-Quran baru-baru ini adalah anjuran Tabung Anak-anak Yatim, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Derma yang berupa wang kira-kira $30 seorang pada hari tersebut telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Awang. Haji Muhammad bin Haji Serudin dan Pemangku Pengarah, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Ustaz Haji Abd. Mokti bin Haji Mohd. Daud, yang juga selaku Pengerusi Tabung Anak-anak Yatim Negara Brunei Darussalam.

Terdahulu sebelum itu, majlis telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan ucapan ringkas dari Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim.

Di samping itu syarahan khas mengenai dengan Nuzul Al-Quran juga telah disampaikan oleh Ustaz Haji Daud bin Juned.

Hadir sama di majlis tersebut termasuklah pegawai-pegawai Kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan penjaga anak-anak yatim. — ZHS.

## BAKAKAS anjur pameran Kraftangan Tradisional

KOTA BATU. — Badan Kebajikan, Kesenian Kebudayaan & Sukan (BAKAKAS) Jabatan Muzium Brunei akan mengadakan Pameran Kraftangan Tradisional Puak-Puak Melayu Brunei pada pertengahan bulan Julai yang akan datang sempena menyambut ulang tahun puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Pameran tersebut akan diadakan di Dewan Tengah Muzium Brunei. Orang perseorangan yang ingin mempamerkan hasil kraftangan tradisional mereka adalah dialu-alukan. Barang-barang tersebut juga boleh dijual pada orang ramai.

Borang penyertaan sekarang boleh didapati daripada Penghulu dan Ketua Kampung masing-masing atau dari Pejabat Muzium Brunei di Kota Batu. Penyertaan adalah percuma. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Jun, 1985. Butir lanjut mengenai pameran ini boleh diperolehi dari Awang Abd Rahim bin Haji Ahmad, Pengerusi Seksi Kebudayaan dan Kesenian BAKAKAS, di Muzium Brunei.

# MANGSA KEBULURAN DAN PELARIAN: KITA PATUT BERSIMPATI

**Rencana khas sempena pelancaran tabung kutipan derma kebuluran dan pelarian Islam yang diadakan di negara ini baru-baru ini.**

Oleh Aisah Piee

BETAPA sukarnya kita menahan lapar dan dahaga ketika mengerjakan ibadat puasa, tapi kita mempunyai berbagai juadah untuk berbuka. Dan bayangkanlah pula bagaimana menderita dan sengsaranya mangsa-mangsa kebuluran di Afrika, lapar dan dahaga yang mungkin sedia berhujung dengan maut.

Keadaan kebuluran yang terjadi di Afrika hari ini adalah yang terburuk sekali di dalam sejarah benua itu. Cuaca buruk dan kering kontang telah menyebabkan para penduduk di situ kehilangan sumber permakanan. Kira-kira 250.000 telah mati kebuluran di Mozambique dan lebih 500.000 orang pula telah meninggal dunia atas sebab yang sama di Ethopia (Habshah). Manakala berjuta-juta orang lagi diramalkan akan mengalami nasib yang serupa sebelum keadaan ini berakhir.

Ini hanya sedikit gambaran mengenai kesengsaraan yang dihadapi oleh pelarian Habshah di Sudan yang menjadi korban bencana kemarau, berita yang masih kita dengar hingga ke hari ini.

**PELARIAN ISLAM**

Kita beralih pula ke Peshawar, Pakistan, di mana terdapat puluhan ribu khemah-khemah kecil untuk menampung pelarian-pelarian Islam Afghanistan. Khemah pelarian di sini dapatlah disimpulkan sebagai yang terbesar di dunia.

Keadaan di sini amat melukakan hati dan menyedihkan, selain sumbangan makanan, perkakas perubatan, kereta-kereta ambulan, mesin-mesin jahit, mesin-mesin pertukangan tangan dan sebagainya amatlah diperlukan, untuk memberi makan serta menguruskan kebajikan mereka sahaja memakan belanja lebih dari empat juta ringgit sehari.

Dengan jumlah pelarian sebanyak tiga juta, Negara Pakistan menanggung masalah pelarian yang terbesar di dunia. Dalam tugas yang berat itu, Kerajaan Islam Republik Pakistan dibantu oleh Pesuruhjaya Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian, Rancangan Permakanan Sedunia dan Ejen-Ejen Antarabangsa serta negara-negara sahabat dan badan-badan sukarela. Dalam kerajaan mencari penyelesaian bagi masalah tersebut dan bantuan berterusan dari Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Islam dan lainnya, masalah pelarian di sini terus berakar.

Kerajaan Pakistan telah pun mengeluarkan Rancangan Bantuan bagi pelajaran Afghanistan di Pakistan. Bantuan segera diperlukan dari sumbangan kebangsaan dan antarabangsa sama ada dalam bentuk kewangan dan material, seperti khemah, pakaian, makanan, perubatan, bekalan air dan perhubungan.

Masalah yang dihadapi oleh para pelarian Palestin pula sememangnya sudah kita ketahui bersama. Para pelarian ini sekalipun tidak berada di negara mereka tetap menerima ancaman dari mereka yang tidak bertimbang rasa. Ribuan para anak-anak negeri Palestin terpaksa meninggalkan negara mereka setiap hari, dan kedudukan moral mereka ketika ini dapatlah disifatkan sebagai rendah.

Negara Brunei Darussalam yang telah dianugerahkan kemewahan dan kelapangan oleh Allah Subhanahu Wataala akan menyahut seruan bantuan bagi pelarian-pelarian dan mangsa-mangsa kebuluran. Untuk itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk menjalankan kutipan itu bagi tempoh selama setahun.

Dalam sidang akhbar yang diadakan baru-baru ini ditegaskan, "Kita percaya dan penuh yakin pada kenyataan, yang ucap simpati sahaja tidak boleh meringankan walau sedikitpun beban dan kesengsaraan yang dideritai oleh saudara-saudara kita iaitu orang-orang Islam pelarian Afghanistan, orang-orang pelarian Palestian serta mangsa-mangsa kebuluran yang lain."

**KUTIP DERMA**

Kempen mengutip derma akan dibuat dengan berbagai cara, yang antaranya ialah mengirimkan surat-surat keliling ke sekolah-sekolah, jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat dan persatuan-persatuan yang berdaftar di seluruh negara, mengedarkan pelekat ke rumah-rumah, pejabat-pejabat, kedai-kedai dan firma-firma yang akan dilakukan oleh budak-budak Pengakap.

Kutipan juga akan dibuat dengan menggunakan tabung di masjid-masjid, mengadakan pasar ria bagi jualan serta menyediakan hiburan bagi kanak-kanak, mengadakan Big Walk, mengelolakan lagu-lagu permintaan melalui radio dan lain-lain lagi.

Jawatankuasa Mengutip Derma Bagi Orang-Orang Islam Pelarian Afghanistan, Palestin dan Mangsa-Mangsa Kebuluran atau 'Committee for Relief of Muslim, Afghani Refugee, Palestine Refugee and Famine Victims' menurut Yang Dipertua jawatankuasa itu, ditubuhkan atas dasar semangat keIslaman dan cintakan kepada sesama manusia betapa pun mereka yang akan menerimanya jauh dipisahkan dari kita oleh lautan dan gunung-ganang.

"Kita hendaklah bersatu sebagai anggota dunia dan apatah lagi ada di antara mereka yang menjadi mangsa itu adalah terdiri daripada saudara-saudara kita yang berugama Islam."

"Kita tampil ke hadapan atas nama peri kemanusiaan dan semangat keIslaman. Saya penuh yakin rancangan ini akan mencapai matlamatnya kerana kita di Negara Brunei Darussalam ini telah dianugerahkan kelapangan dan kemewahan oleh Allah Subhanahu Wataala dan lagi negara kita ini memang direstui dengan anak-anak negeri yang cintakan sesama manusia lagi dermawan," ujarnya.



INI adalah di antara pelarian-pelarian Islam Afghanistan yang berkhemah di Peshawar, Pakistan. Di sini terdapat puluhan ribu khemah bagi pelarian yang menderita menghadapi berbagai ancaman.......

**Negara Brunei Darussalam yang telah dianugerahkan kemewahan dan kelapangan oleh Allah Subhanahu Wataala akan menyahut seruan bantuan bagi pelarian-pelarian dan mangsa-mangsa kebuluran. Untuk itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan dengan persetujuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk menjalankan kutipan itu bagi tempoh selama setahun.**



SALAH seorang dari pelarian itu yang memerlukan perkhidmatan perubatan.



MAKANAN yang mencukupi, perubatan, bekalan air, perhubungan dan sebagainya, amat diperlukan oleh pelarian-pelarian ini bagi meneruskan kehidupan mereka.

**Jawatankuasa Mengutip Derma Bagi Orang-Orang Islam Pelarian Afghanistan, Palestin dan Mangsa Kebuluran atau 'Committee for Relief of Muslim, Afghani Refugee, Palestin Refugee and Famine Victims' menurut Yang Dipertua jawatankuasa itu, ditubuhkan atas dasar semangat keislaman dan cintakan kepada sesama manusia.**

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-281

# PUAK BATINIYYAH

*Siri kesembilan*



**Ajaran sesat di Eropah, di Amerika dan Australia:**

Bagaimana telah lalu sebutannya bahawa ajaran sesat, salah dan puak Batiniyyah, diasaskan oleh orang-orang penyembah berhala, penyembah api, Yahudi dan Nasrani, kerana melihat keteguhan ajaran Islam dan kuat semangat orang-orang Islam pada mempertahankan Islam dan memeliharanya, dan kemudahan ajaran Islam itu menarik orang pada menganut Islam, maka semua anasir-anasir dan sebab-sebab, hal-hal dan perkara-perkara ini membawa seteru-seteru Islam mempergunakan ajaran sesat dan puak Batiniyyah yang berbagai-bagai rupa bagaimana tersebut dahulu dan mengemukakan ajaran Qadiyani dan Bahai kepada kaum Muslimin, bagi menahan kemaraan Islam dan mengacau-bilaukan ketenteraman umat Islam dan perpaduan umat Islam.

Di Britain, musuh-musuh Islam mengemukakan ajaran Qadiyani, kepada penganut-penganut Islam dan orang-orang Islam yang ada di sana, dan orang-orang Islam tiada sahaja berhijrah ke Britain, tetapi berhijrah ke Negeri Peranchis dan ke Negeri Jerman dan lain-lain negeri di Eropah.

Orang-orang Islam juga diam di Kanada dan di Amerika Syarikat dan penuntut-penuntut Islam ada mengaji belajar di sana, dan mereka tinggal di Amerika Tengah, dan di Amerika Selatan bagaimana dalam akhbar Al-'Alamul Islami.

Orang-orang Islam juga ada berhijrah ke Australia dan penuntut-penuntut Islam menuntut ilmu di Benua Australia itu.

Didapati berpuluh-puluh million umat Islam dicengkam oleh ajaran Marx di bawah paksaan Komunis China dan Russia di tengah-tengah Asia. Inna Lillahi Wa Inna Ilaihi Raji'un.

Didapati di Amerika Sharikat badan-badan dan persatuan-perrsatuan bekerja mengembangkan ajaran Bahai di sana bagaimana tersebut dalam Kamus Pengetahuan Britainnica (Britainnica Encyclopedia) akan dari hal badan-badan Bahai berpusat di Chicago dan diketahui badan-badan Qadiyani menyiarkan ajaran Qadiyani di antara penduduk Islam di Amerika Tengah dan di Pulau-Pulau sekeliling Amerika Tengah seperti di Pulau Trinidad dan lainnya sebagaimana disebutkan oleh akhbar Al-'Alam Al-Islami yang diterbitkan di Mekah Al-Mukarramah.

Di Eropah, di Britain, di Amerika dan Kanada, diketahui ada pertubuhan-pertubuhan umat Islam bagi mengawal faedah dan maslahat ugama Islam dan maslahat umat Islam yang bermastautin dan diam di sana. Tetapi disebalik adanya pertubuhan bagi Islam yang betul itu, ada pula pertubuhan-pertubuhan ajaran sesat dan Batiniyyah dan terdapat di sebalik Islam yang tulen itu, ajaran-ajaran yang melampau dan kitab-kitab orang Orientalis yang memesungkan penuntut-penuntut dan orang Islam di sana, dengan keadaan suasana hidup dalam kalangan Kristian dan kebudayaan Kristian.

Ringkasannya: Gerakan Qadiyani, Bahaei, Masuni (Fremasons), Batiniyyah, Marx dan Sosialis ajaran melampau dari ajaran Islam seperti Wahdatul Wujud, tasauf yang bercampur-aduk dengan falsafah, dan ajaran memisahkan dunia dari akhirat dan ajaran Majusi India diseludupkan dalam Tasauf, dan dasar-dasar pertubuhan di antara bangsa seperti Rotary, Lions dan seumpamanya dan kitab-kitab orang-orang Orientalis yang memusuhi Islam, adalah merbahaya kepada ugama Islam dan membawa umat Islam kepada fasik, sesat dan keluar dari ugama Islam kerana ada di antara dasar-dasar pertubuhan-pertubuhan itu melawan Islam, tiada dapat dikesan oleh orang awam Islam yang sedikit pengetahuannya dalam Islam, sekalipun ia berpangkat tinggi dan banyak degreenya dan kayarayanya, bagaimana ditegaskan ulama dalam tulisan-tulisan mereka.

**Ajaran sesat dan salah dipergunakan oleh musuh Islam bagi memporak-perandakan umat Islam:**

Diketahui sekarang bahawa musuh-musuh Islam dan puak-puak yang ada kepentingan dalam negeri-negeri Islam menggunakan ajaran sesat dan salah puak Batiniyyah bagi melawan Islam dan umat Islam, seperti di Mesir dan Negeri Arab, musuh-musuh Islam ada menggunakan ajaran-ajaran dan pendapat-pendapat orang-orang Orientalis seperti Ghulad Zaihar, Arbri, Masinun dan seumpamanya, bagi memecah-belahkan umat Mesir, di antara Universiti Al-Azhar yang mendokong ajaran Islam, dan mendaulatkan bahasa Arab bahasa Al-Quran, dan bahasa Ilmu-Ilmu Islam, dan yang berpengaruh di atas penduduk-penduduk Mesir terutamanya penduduk-penduduk kampung, dengan pendapat-pendapat orang-orang orientalis yang dibekalkan kepada orang-orang seperti Doktor Taha Hussin Al-Mulhid, Ahmad Amin, Ismail Mudzahir Al-Mulhid, Mansur Fahmi dan lain-lain sebagaimana tersebut dalam As-Sunnatu Wa Makanatuha fit Tasyri'el Islami oleh Asy-Syeikh Mustafa As-Siba'ei, dan dalam Al-Milalu Wan Nihal oleh Al-'Allamah Abi Al-Fathusy Syahrastani, Tahqiq Muhammad Said Kailani dan dalam Muqiful 'Agli wal 'Ilmi Wal 'Alami Min Rabbil 'Alamina Wa 'Ibadihil Mursalin, oleh Al-Allamah Mustafa Subri Syaikhul Islami Lid Daulatil Othmaniyyah di Istanbul.

Di Mesir, pada masa penjajahan, ajaran Bahai atau Bahaiyyah tersiar dengan luasnya, tiada siapa membantah dan melawannya, kerana manusia pada masa itu berpendapat manusia itu bebas dalam iktikad kepercayaannya, dengan desakan penjajahan dan diayah orang-orang orientalis dan pengikut-pengikutnya dripada orang-orang terpelajar Mesir yang belajar di Eropah dan dari sekolah-sekolah penjajah dari bangsa Amerika, Peranchis dan lain-lain yang ada di Mesir.

Pada masa pemerintahan Jamal Abdul Nasir, didapati puak Bahaiyah itu adalah bekerja kerana penjajahan dan anti Islam, maka Jamal Abdul Nasir bertindak merampas harta-benda puak Bahaiyyah dan menghalau penganjur-penganjurnya dari Tanah Mesir, begitulah sebagaimana tersebut dalam akhbat-akhbar Mesir dan majalah-majalah.

Di Mesir pada masa penjajahan, Kristian berkembang kepada orang-orang Qibti yang berugama Kristian dengan dibantu dan disokong oleh penjajah Amerika dengan menghantar pasukan-pasukan pengembang Kristian di mana sahaja terdapat orang Qibti itu, seperti Asyut dahulu Sungai Nil, sebagaimana kita lihat dan saksikan ketika kita melawat Bandar Asyut dalam latihan kita mengajar dalam bahagian perguruan dari Fakulti Bahasa Arab di Al-Azhar. Maka Al-Azhar melawan diayah Kristian dengan mendirikan sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan bangunan yang cantik-cantik dan sekarang didirikan Fakulti-Fakulti Al-Azhar di Asyut.

Di-Iraq, dalam masa penjajahan, puak Bahaiyyah bergerak dengan bebas di Baghdad dan lain-lain tempat Iraq, maka kerajaan Iraq yang anti penjajahan telah menghapuskan gerakan Bahaiyyah di sana. Golongan Bahaiyyah dan Qadiyaniyyah mendapati penjajahan adalah suatu jalan bagi menahan kekuatan dan semangat kaum Muslimin terhadap ugama Islam dan penjajahan.

Di India, pada masa penjajahan, didapati padri-padri Kristian keluar menyeru orang-orang Islam kepada ajaran Kristian, mula-mulanya orang Islam tiada tertarik dengan diayah Kristian itu dan menjauhkan diri. Akan tetapi dengan kuat dan banyak diayah Kristian dan banyak siaran penerangan maka orang awam Islam mula terpengaruh dengan diayah-diayah itu, maka ulama dan ahli ilmu Islam India bangun melawan padri-padri itu dan berbahas dengan mereka dan mengeluarkan siaran bagi mempertahankan diri dari diayah dan propaganda, sebagaimana tersebut dalam kitab Idzharul-Haq karangan Rahimatullah bin Khalil Ar-Rahman Al-Hindi dicetak semula di Mesir Al-Qahirah tahun 1964 Masihi.

Menurut kajian, bahawa Universiti Amerika yang ditubuhkan di Pusat Bandar Raya Qahirah, dengan mengandungi sekolah-sekolah menengah, fakulti-fakulti, asrama yang teratur, dan dewan syarahan bagi orang ramai, dan dengan kemudahan, perpustakaan dan sukan, dan tempat rehat bagi penuntut dan kantin yang selesa, bagi menarik ibu bapa dan penuntut belajar di sana. Didirikan Universiti Amerika itu dengan tujuan bagi melawan pengaruh Universiti Islam Al-Azhar, tetapi perlawanan itu tiada berkesan, kerana Universiti Al-Azhar berkembang dengan mengandungi fakulti-fakulti turun-temurun, seperti fakulti Usuluddin, Syariyyah, bahasa Arab, maka ditambah fakulti-fakulti lain seperti kedoktoran, pertanian, kejuruteraan, perniagaan dan lain-lain cawangan dan bahagian bagi persediaan menempuh hidup dalam dunia, dan bagi menarik semua golongan umat Mesir masuk ke dalam Al-Azhar, dan dengan banyak pendakwah-pendakwah Islam dari pihak kerajaan, dari Universiti Al-Azhar, dan orang-orang perseorangan dan pertubuhan, di masjid-masjid, di surau-surau, di sekolah-sekolah, di rumah-rumah persekutuan, di rumah-rumah dan majlis-majlis perhimpunan, dan di khutbah-khutbah Jumaat, maka kendurlah diayah Kristian itu pada umumnya di antara orang Islam. Tambahan pula Universiti Al-Azhar memang mempunyai sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah, yang dikelolakan sendiri dalam negeri-negeri dan bandar-bandar serata Negeri Mesir. Suatu sebab pengaruh yang besar serata Negeri Mesir bagi melawan diayah Kristian, Bahaiyyah, Qadiyaniyyah, Zionis, Batiniyyah, Komunis dan Sosialis dan seumpamanya itu. Kata ulama: "Bahawa mazhab Maliki yang tersiar dengan luas di kampung-kampung Negeri Mesir bersama-sama dengan mazhab Syafiei suatu sebab besar melawan dan menentang ajaran-ajaran salah, kerana mazhab Maliki itu berunsur dan berdasar membasmikan bid'ah-bid'ah dan ajaran-ajaran salah daripada pemegang mazhab Maliki itu.

Di India, Ahmad Khan Bahadur, timbul pada kurun kesembilan belas Masihiyyah, dia membantu penjajah, kerana memecah-belahkan perpaduan umat Islam di India pada masa itu. Dia menzahirkan diri sebagai puak Tabi'eiyyah Dahriyyah, dan dia berkata tiada ada wujud melainkan tabiat (Nature), dan alam ini tiada mempunyai Tuhan yang menjadikannya, dan segala Nabi-Nabi semuanya mereka menganut faham Tabi'eiyyah, mereka tiada beriktikadkan ada Tuhan yang menurunkan Syariat dan ugama. Kemudian Ahmad Khan itu menggelarkan dirinya dengan nama orang Tabiei, dan ia telah menipu pemuda-pemuda daripada anak-anak orang kaya, yang kurang selidik masuk perangkap, sebab pemuda-pemuda itu hendak lari dari Syariat, kerana hendak menyenangkan syahwat nafsu mereka.

Dengan cara berbuat begitu, Ahmad Khan telah mendapat perhatian daripada penjajah, dan dibantukan dia pada mendirikan sekolah di Alighor, dinamakannya Madrasatul Muhammadiyyin, untuk merangkap pemuda-pemuda Islam masuk ke sekolahnya dengan memakai nama "Muhammad". Sekarang sekolah itu jadi universiti Alighor.

Ahmad Khan telah menulis tafsir Al-Quran sampai ke Surah Al-Kahfi dan ia telah mengubahkan tujuan-tujuan ayat Al-Quran dengan apa yang ia kehendaki dan rencanakan itu.

Dia menerbitkan majalah-majalah "Tahzibul Akhlak" kerana menyesatkan fikiran umat Islam, dan menaburkan benih permusuhan di antara umat Islam India dengan lain-lain umat Islam, terutama dengan orang-orang Turki Kerajaan Bani Othman di Istanbul pada masa itu, ia mengajak membuangkan segala ugama. Tetapi ia hanya mengajak orang Islam, tiada mengajak orang lain membuang ugama lain-lain kaum. Dia menyeru Tabiat (Nature) sahaja. Tabiat sahaja, dengan mengaburkan mata umat Islam bahawa umat Eropah maju dalam perkara-perkara moden, maju dalam sains, dan dalam Tabiat, dan melambung tinggi dan kuat semuanya, dengan membuang ugama, dan kembali kepada Tabiat (Nature) dan bertuhankan Tabiat dan menyembah Tabiat. Yakni Tabiat itu bererti tiap-tiap sesuatu terjadi dengan sendiri dengan berlalunya masa ke atasnya.

WALLAHUAKLAM

**Bersambung minggu depan**

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 19 Jun, 1985 hingga ke hari Selasa 25 Jun, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Jun 19–20 | 12.27 | 3.46 | 3.47 | 6.37 | 6.38 | 7.49 | 7.50 | 4.51 | 4.27 | 4.52 | 6.07 | 6.08 |
| 21–25 | 12.28 | 3.47 | 3.48 | 6.38 | 6.39 | 7.50 | 7.51 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.08 | 6.09 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# SIBUK PERSIAPAN RAYA JANGAN LUPA ZAKAT FITRAH

MARILAH kita terus-menerus bertakwa ke hadrat Allah, ingat dan mengamalkan segala suruhan-Nya dan lari serta menjauhi diri daripada segala tegahan atau larangan-Nya.

Alhamdulillah dalam beberapa hari saja lagi kita umat Islam di negara ini akan selesai dari mengerjakan ibadat puasa, dan sudah tentu dari sekarang ada di antaranya umat Islam di negara ini yang sudahpun sibuk membuat bermacam-macam persediaan untuk menyambut hari raya yang mulia itu. Dalam pada itu kita jangan lupa dan lalai bahawa ada lagi satu rukun Islam yang wajib kita sempurna dan tunaikan sebagaimana rukun-rukun yang lainnya iaitu *mengeluarkan zakat fitrah*. Zakat fitrah adalah merupakan satu fardu dan tanggungjawab orang-orang Islam sama ada lelaki atau perempuan yang wajib dikeluarkan atau diberikan kepada asnab-asnab yang tertentu dikeluarkan dari benda benda yang telah ditetapkan dengan syarat-syarat yang tertentu.

### PINJAMAN

Menurut ugama Islam bahawa harta-benda itu pada asalnya adalah hak milik kepunyaan Allah, manusia hanya diberikan pinjaman harta tersebut untuk ditadbirkan dengan sebaik-baiknya saja dengan mempergunakan harta itu dengan betul untuk kepentingan dan kemudahan umat Islam. Barangsiapa juga yang menyeleweng mempergunakan hartanya bukan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan tiada dikeluarkan zakatnya, maka itulah harta kekayaan yang tidak berkat, tidak akan dapat menolong kepada memilikinya, bahkan membawa dosa dan kebinasaan sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"Di hari ini (akhirat) dipanaskan semuanya (kekayaannya) di dalam neraka jahanam, lalu dibakar dengan itu dahi, rusuk dan punggung mereka (seraya dikatakan) kepada mereka: Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu."*

Ugama Islam telah menunjukkan beberapa jalan yang halal untuk mencari dan mengumpulkan kekayaan itu, di samping menunjukkan juga cara-cara memakai dan menggunakan harta itu menurut jalan-jalan yang halal yang diredai Allah, kerana dasar Islam barangsiapa berjalan dengan jalan yang lurus itu akan mempunyai kelebihan dan nilai di sisi Allah. Pahala dari niat serta tujuan yang lurus itu akan sentiasa mendapat balasan yang baik dari Allah jua.

### KAYA RAYA

Manusia dijadikan Allah di atas muka bumi ini adalah berbagai rupa dan keadaan, ada yang dijadikan dengan keadaan kaya raya dan ada yang dijadikan dengan berkeadaan fakir miskin, ini semuanya adalah dijadikan untuk kepentingan dan kestabilan hidup manusia itu sendiri. Kerana andainya Allah jadikan manusia itu semuanya kaya raya nescaya rosaklah peraturan hidup, demikian juga kalaulah Allah jadikan semuanya fakir miskin akan rosaklah juga peraturan hidup ini sebagaimana yang dijelaskan Allah di dalam firman-Nya yang bermaksud: *"Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan di dunia ini (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya msikin menderita) dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi daripada darjat setengahnya yang lain (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari bantuan setengahnya yang lain."* Dari ayat tadi dapatlah difahamkan bahawa manusia itu dijadikan Allah adalah tidak lengkap masing-masing memerlukan pertolongan di antara satu dengan yang lainnya dalam segala hal untuk menyempurnakan keperluan masing-masing, yang kaya memerlukan bantuan tenaga dari orang-orang yang kurang bernasib baik untuk menyempurnakan kerja-kerja yang mereka tidak mampu untuk melaksanakan, manakala yang kurang bernasib baik pula memerlukan juga pertolongan orang-orang yang berada untuk menyelesaikan masalah-masalah hidup yang dihadapi oleh mereka. Demikianlah keadaan hidup manusia di atas muka bumi ini yang perlu mendapat perhatian yang wajar dari sesama umat.




### SISTEM ZAKAT

Ugama Islam tidak mahu melihat kekayaan itu menyusahkan pemiliknya dan lagi kepada orang lain, sebagai satu kelebihan, harta kekayaan mestilah digunakan untuk memperkukuhkan dan memperkuatkan kedudukan umat mengekalkan kebahagiaan mereka bersama, kerana itulah salah satu cara ke arah mencapai tujuan itu ialah dengan mensyariatkan zakat, dengan sistem zakat inilah sahaja yang boleh mengawal manusia dari melakukan gejala-gejala yang kurang sihat yang akan mengancam kestabilan umat.

Cuba kita perhatikan hikmat Allah s.w.t. memfardukan zakat. Zakat difardukan selain dari tujuan utamanya iaitu merupakan ibadat dan menghampirkan diri kepada Allah, zakat juga bertujuan untuk membersihkan jiwa daripada sifat-sifat yang keji seperti bakhil dan kedekut, mementingkan diri sendiri, keras hati dan lain lagi yang tidak secucuk dengan tabiat semula jadi manusia. Maka dengan inilah Allah memerintahkan kita supaya mengeluarkan zakat seperti firman-Nya (Surah Al-Baqarah ayat 43) bermaksud: *"Dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat."* Dan firman-Nya lagi (Surah At-Taubah ayat 103) yang bermaksud: *"Ambillah sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengan membersihkan mereka dari dosa dan mensucikan mereka dari akhlak yang buruk."*

### PERTOLONGAN

Berdasarkan tujuan zakat yang diterangkan oleh ayat-ayat tadi adalah mengharapkan keredaan daripada Allah dan untuk melahirkan kebaikan sosial umat Islam. Maka dengan itu marilah umat Islam sekalian akan sama-sama menyedari tanggungjawab kita terhadap suruhan-suruhan Allah itu dengan mengeluarkan zakat pada masa-masa yang diwajibkan sama ada harta perniagaan, harta simpanan dan lain-lain lagi, agar dengan adanya rasa tanggungjawab umat Islam itu akan mendapat membantu masyarakat Islam yang kurang bernasib baik dan dapat menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang mereka hadapi yang selama ini mengharapkan pertolongan dari saudara-saudaranya yang bernasib baik.

Akhirnya kita sebagai umat Islam hendaklah senantiasa memelihara kehormatan dan nama baik ugama Islam dengan memelihara suruhan-suruhan yang diajarkan oleh ugama kita yang maha suci itu seperti sifat bertimbang rasa, hormat menghormati, belas kasihan dan lain-lain sifat yang terpuji, sifat-sifat itu hendaklah senantiasa tumbuh dan kembang di dalam diri seseorang Islam.

---

*Menuju keredaan Allah*

# Jangan rosakkan puasa dengan maksiat di Hari Raya

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahilhamd.

Ketika takbir bergema di pagi raya ada baiknya kita mengenang sejenak tentang hidup kita ini, hidup ini bukan semata-mata untuk hari ini atau esok sahaja, sebaliknya sesudah hidup hari ini kita akan dilanjutkan pula dengan hidup untuk selama-lamanya iaitu hidup sesudah mati.

Inilah saat dan ketika kita memohon dari Allah Subhanahu Wataala mogamoga kita ditempatkan di dalam syurga yang mengalir di dalamnya air yang sejuk dan jernih dengan berbagai-bagai kesuburan dan kebahagiaan yang kita akan rasakan. Ketika inilah juga kita memohon dari Allah Subhanahu Wataala mogamoga kita dilindungi daripada kemurkaan Allah dan seterusnya dengan hati yang bersih dan dada yang lapang serta wajah yang berseri-seri kita memohon ampun kepada Allah dan kita hulurkan tangan memohon maaf sesama insan.

Sebulan yang lalu (di bulan Ramadan) kita telah diberi berbagai-bagai ujian dan dugaan di mana semua ujian itu kita tempuh satu demi satu, kita berjuang bersungguh-sungguh melawan tekanan hawa nafsu hingga kita mencapai kejayaan cemerlang, kini kita telah selesai melaksanakan segala apa yang diperintahkan Allah, kita telah buktikan segala ketaatan, perintah Allah telah kita tunaikan dan larangannya telah kita jauhi.

Perjuangan-perjuangan yang telah kita lakukan itu amat besar ertinya di sisi Allah seperti juga berjuang di medan perang atau jihad, sebab itu jadikanlah Aidilfitri sebagai lambang untuk umat Islam seluruhnya melahirkan kegembiraan setelah tamat ujian dan berjaya di dalam perjuangannya, inilah masa dan ketikanya untuk kita menyatakan sendiri di hadapan Allah, bahawa kita telah menunaikan dengan sempurnanya akan segala suruhan yang diperintahkan kita melakukannya.

Untuk melahirkan kegembiraan dengan cara yang lebih teratur serta mendapat keredaan Allah, maka Islam mengatur beberapa ibadat yang disuruh kita menyempurnakannya iaitu melahirkan kebesaran Aidilfitri dengan sembahyang sunat dua rakaat. Sembahyang Hari Raya adalah sunat muakad (sunat yang dituntut) kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam senantiasa Sembahyang Hari Raya sepanjang hayat Baginda.

Di samping itu perlulah juga diingat bahawa selain daripada merakamkan rasa syukur dengan menunaikan sembahyang sunat Hari Raya, kita juga digalakkan menunjukkan rasa gembira tetapi jangan melewati batas sampai menjerumuskan diri kejurang maksiat yang membawa kepada penderhakaan terhadap Allah Subhanahu Wataala, padahal pada Hari Raya inilah sepatutnya kita menunjukkan kesyukuran kepada Allah di atas limpah rahmat-Nya memberikan kesempatan kepada kita untuk menikmati suasana kebahagiaan dan menjayakan kita menghadapi cabaran dan dugaan dalam masa kita menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadan yang baru berlalu.

Kita tentu tidak boleh menafikan adanya segolongan kecil orang-orang Islam dalam masyarakat kita yang suka meniru-niru adat kebudayaan atau tradisi orang lain ketika menyambut Hari Raya kita sendiri. Umpamanya selain daripada bersusah payah menyediakan kuih-muih cara barat, menyediakan pula minuman yang dilarang oleh ugama kita yang suci konon dengan alasan untuk menyambut kedatangan para tetamu bangsa asing yang akan datang berkunjung ke rumah mereka, padahal perkara semacam itu tidaklah dituntut oleh ugama Islam melakukannya. Di samping itu di sepanjang malam Hari Raya itu ada pula yang mengadakan pesta tari-menari hingga sampai kelarut malam. Ini dilakukan adalah kerana meniru cara-cara orang barat menyambut malam Kerismas.

Padahal dalam Islam menyambut Hari Raya itu kita mempunyai adat tradisi dan cara kita sendiri. Tak perlu lagi kita meniru-meniru adat tradisi orang lain yang sudah tentu bercampur aduk dengan perbuatan-perbuatan maksiat yang tidak sesuai dengan adat kita dan bertentangan pula dengan hukum ugama Allah yang maha suci. Sepatutnya dalam perkara ini kita mempunyai pendirian yang tegas dan berpegang kepada firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Al-Kafirun yang bermaksud: *"Kamu dengan cara ugama kamu dan Aku dengan cara ugama-Ku".*

Kalau kita benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala perkara bercorak maksiat dalam menyambut Hari Raya kita tidak timbul, kerana tiada siapa yang boleh melarang kita menyambut Hari Raya kita dengan cara kita sendiri atau dengan cara ugama kita sendiri.

# TOLEH PANDANG KEPADA DUNIA MINYAK

**Oleh Mohd Salleh Abdul Latif**

**Pendahuluan**

Minyak di negara kita ditemukan pada tahun 1929 di Seria. Sejak itu ia dimajukan hinggalah ke hari ini menjadi sumber pendapatan negara yang terkuat yang memungkinkan kita menikmati kemakmuran seterusnya memesatkan pembangunan negara. Katalah minyak tak ditemukan di negara ini, ekonomi kita disandarkan kepada apa. Pertanian, balak, perikanan, tenaga manusia yang berkemahiran atau entahlah! Syukur Allah telah mengurniakan kita dengan minyak yang suatu masa yang kita sendiri belum mengetahui bila akan pupus. Tahun 2000 atau lebih dari tahun itu, waspadalah!

Beruntung kita punya emas cair hitam di perut bumi. Menjadilah kita negara yang terkaya di rantau Asia dengan pendapatan kasar negara yang begitu tinggi malah sebanding dengan negara-negara industri yang sudah jauh maju. Minyak menempatkan kita ke golongan negara yang punya taraf hidup yang tinggi. Punya simpanan kewangan lebih 30 billion dollar, suatu jumlah yang begitu lumayan bagi negara seluas, 2,226 batu persegi di pantai Barat Laut Borneo, 275 batu ke utara Khatulistiwa dengan penduduk lebih sedikit 200,000 orang.



STOK penghasilan minyak disimpan di tangki-tangki ini berhampiran dengan kilang penapis minyak di Seria.

**Kelicinan**

Mungkin setengah orang beranggapan bahawa menurut bidang hukum pemasaran, perusahaan minyak itu sama seperti perusahaan barangan lainnya tapi sebetulnya sangkaan ini meleset. Perusahaan minyak jauh berbeža dengan perusahaan barangan lainnya. Kerana apa?

Ekonomi dunia, matawang antarabangsa dan percaturan politik antarabangsa turut tergugat kalau ada krisis minyak berlaku. Minyak itu sendiri 'licin' jadi kelicinan pengusaha-pengusaha minyak dalam orientasi pelbagai ilmu dari penyulingan, pemasaran, pengedaran, pengeluaran dan sebagainya dengan andaian-andaian risiko besar harus diperhitungkan sebelum mengambil suatu langkah sama ada untuk menurunkan harga ataupun menaikkan harga.

Tidak hairan apabila krisis minyak berlaku, mesyuarat-mesyuarat pengusaha-pengusaha minyak atau tokoh-tokoh minyak itu sendiri akan difokas menjadi berita hangat oleh media cetak dan media eletronik di seluruh dunia. Ketegangan-ketegangan yang sudah berlarutan lebih 54 bulan di antara dua negara pengeluar minyak di Teluk Parsi cukup membingungkan semua orang. Perkembangan dua negara yang masih berperang itu sentiasa diikuti kerana Iran sendiri mempunyai pasaran di Amerika Syarikat pada tahun 1979 sejumlah 3162 ribu barrel sehari manakala Iraq pula ialah 3108 ribu barrel sehari. Dan minyak itu 'licin'.

**Terbentuknya OPEC**

Berbicara tentang minyak, mahu tidak mahu kita harus juga menyentuh tentang OPEC iaitu Organization of Petroleum Exporting Countries. OPEC dibentuk pada bulan September 1960 yang negara anggotanya sejumlah 13 buah negara, yang antaranya ialah Saudi Arabia, Nigeria, Libya, Algeria, Venezuela, Iran, Indonesia, Iraq, Emirates Arab Bersatu, Kuwait, Gabon, Qatar dan Equador. Brunei Darussalam bukan negara anggota OPEC.

Sebelum OPEC tertubuh, dunia perminyakan terutama dari segi pemasaran dan pengeluaran serta ketetapan harga dikawal oleh negara-negara maju serta negara-negara industri yang jadi pengimport utama bahan bakar yang mustahak ini. Amerika Syarikat, Jepun, Negara Eropah Barat seperti Perancis, Belanda, Jerman Barat, Itali, Sepanyol dan United Kingdom adalah pengimport utama bahan bakar ini.



UNTUK mendapatkan sumber minyak memerlukan kepakaran ilmu teknologi yang tinggi di samping keperluan tenaga yang bukan sedikit.

*Bersediakah negara pengimport minyak untuk menggantikan minyak dengan bahan energi lain, andainya pengeluaran minyak dunia berkurangan? Energi apa sebagai gantinya?*

Tertubuhnya organasasi ini yang negara anggota bersedia mengorbankan kepentingan masing-masing demi kesepakatan harga serta kemuafakatan pengeluaran dalam perimbangan sosioekonomi antarabangsa punya saham tersendiri yang unik tapi panas dalam mencelikkan masyarakat antarabangsa bahawa industri minyak telah sekian lama dicaturpolitikkan dan dicaturekonomikan. Sekarang pun di kalangan negara anggota OPEC sendiri sudah menampakkan ke arah tradisi yang tali temali itu, lihat saja ratusan juta dollar Amerika bahkan billion dollar Amerika dari hasil minyak yang berasal dari Iraq, Iran, Saudi Arabia, Kuwait, Emirates Arab Bersatu serta Qatar timbul tenggelam akibat peperangan di Teluk Parsi. Akibatnya pengeluaran minyak OPEC mengalami penurunan yang drasti walau hanya sekitar antara 4 — 5 juta sehari yang bererti berkurangan antara 27 — 35% dari pengeluaran minyak mentah OPEC yang dihadkan hanya 17.5 juta barrel sehari. Jadi bila pengeluaran minyak OPEC berkurang sekitar 30% harga minyak mungkin akan naik.

Bila kenaikan harga berlaku, pengeluaran minyak bagi negara yang bukan anggota OPEC dipertingkatkan bagi mengaut keuntungan tersebut kerana mereka tidak terikat oleh pertubuhan itu. Ini kemungkinan-kemungkinan saja!

Mungkin sulit mempermainkan jumlah pengeluaran serta jumlah pemasaran selagi ada kesepakatan dalam sistem qoata pengeluaran di kalangan negara anggota OPEC tapi tidak mustahil hal ini dimanfaatkan oleh negara-negara yang bukan anggota OPEC yang sememangnya mampu untuk meningkatkan pengeluaran minyak.

**Pengeluaran Minyak Dunia**

Tahun 1982 saja menunjukkan bahawa pengeluaran minyak dunia ialah sejumlah sekitar 41 juta barrel sehari. 18 juta barrel sehari dari OPEC dan 23 juta barrel sehari dari negara yang bukan anggota OPEC. Jadi kalau saja golongan OPEC yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam peperangan Teluk kehilangan peranannya dalam penyaluran minyak di dunia sekitar 5 juta barrel sehari bererti pengeluaran minyak dunia cenderung akan turun ke paras 36 juta barrel sehari. Walhal permintaan minyak dunia pada tahun 1982 sekitar 41 juta barrel sehari.

Yang pasti, merosotnya pengeluaran minyak OPEC memberi peluang yang baik kepada negara yang bukan anggota OPEC bagi mengisi kekosongan pengeluaran ini.

Keranannya sekarang ini banyak pengusaha-pengusaha minyak berusaha untuk mencarigali minyak dan akan merasa bangga jika menjumpai cadangan-cadangan minyak dan gas bumi yang simpanan jumlahnya besar bahkan mereka begitu optimis untuk mengeluarkan minyak dan gas dari perut bumi meskipun di sebalik itu terselit berbagai faktor yang sangat menentukannya. Bersediakah negara pengimport minyak untuk menggantikan minyak dengan bahan energi lain, andainya pengeluaran minyak dunia berkurangan? Energi apa sebagai gantinya?

**Penutup**

Mengenai dengan minyak di Brunei pula bekas Pengarah Urusan BSP, Awang Peter Everett pada awal tahun 1984 pernah menekankan bahawa syarikat-syarikat Shell telah pun beroperasi di Negara Brunei Darussalam semenjak awal-awal tahun abad ini dan sejak penemuan Padang Minyak Seria dalam tahun 1929, ianya telah menjadi sebahagian penting ekonomi negara ini.

Tahun-tahun sejak perang dunia kedua, jelasnya, telah pun khususnya menandakan satu pertumbuhan dalam perusahaan minyak dan gas Brunei, dan dengannya telah menjadi pertumbuhan penting dalam kedudukan negara ini di mata negara-negara lain.

Kemudian Awang Peter Everett seterusnya berkata bahawa di sepanjang tahun-tahun tadi, alam sekitaran dunia dalam mana perusahaan minyak beroperasi telah berubah dengan pentingnya tetapi semangat kerjasama Kerajaan Brunei dan Shell telah membolehkan syarikat-syarikat Shell Brunei meneruskan urusan kerjaya dengan lancar dan cekap.

Beliau seterusnya tidak meragukan bahawa semangat yang serupa akan membolehkan syarikat-syarikat tadi terus beroperasi di tahun-tahun muka untuk kepentingan negara dan pemegang-pemegang sahamnya.



OPERASI cari-gali minyak di luar pantai di negara ini mendatangkan hasil yang cukup lumayan.

**Beruntung kita punya emas hitam cair di perut bumi, menjadilah kita negara yang terkaya di rantau Asia dengan pendapatan kasar negara yang begitu tinggi malah sebanding dengan negara-negara industri yang sudah jauh maju. Minyak menempatkan kita ke golongan negara yang punya taraf hidup yang tinggi.**

# SIPM DAN PIGNONE TANDATANGANI KONTRAK

WAKIL-wakil dari Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad SIPM dan Nuovo Pignone, sebuah syarikat Itali telah mengadakan perjumpaan di Rumah Persinggahan baru-baru ini.

Perjumpaan itu diadakan adalah bagi menandatangani sebuah kontrak yang bersangkut paut dengan projek pembinaan loji pemampat gas yang baru.

Syarikat Nuovo Pignone telahpun diamanahkan bagi membekalkan alat-alat pemampat untuk projek berkenaan.

Loji pemampat gas baru ini akan menggantikan loji memproses BSP yang terdapat sekarang di G28 di Seria. Seperti yang difahamkan loji tersebut akan mengandungi tiga buah alat pemampat gas yang bertenagakan elektrik yang setiap satu mempunyai keupayaan 25 Mmscfd.

Sementara itu unit-unit yang menggunakan tenaga matahari yang terdapat di masa kini mempunyai keupayaan hingga 28 Mmscfd juga akan disarankan ke dalam loji baru itu.

Kemudahan-kemudahan asas adalah dikehendaki bagi mempastikan agar bekalan gas sentiasa berada dalam tekanan yang tinggi yang gunanya akan diteruskan untuk kegunaan tenaga pengangkutan gas di padang-padang minyak Seria.

Projek ini diurus oleh Jabatan Projek-projek Darat, EPS. Sementara Nuovo Pignone akan membekal dan memasang unit-unit pemampat. Manakala pemasangan lain-lain kemudahan yang berhubung kait dengannya akan dikendalikan oleh sebuah kontrak pembinaan tempatan melalui BSP.

Dalam pada itu rekabentuk loji tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Mereka bentuk Kejuruteraan, EDE.

Upacara pada tengah hari itu diikuti dengan perbandingan penuh masa mengenai kontrak di antara kedua pihak syarikat yang mengambil masa selama enam hari.



MESYUARAT bagi membincangkan Pertandingan Permainan Lalulintas Shell yang diadakan di Kelab Ria Shell.

# Pertandingan Akhir Lalulintas Shell pada 30 November

PERINGKAT akhir pertandingan lalulintas Shell Brunei akan diadakan di Seria pada hari Ahad 30 November 1985 depan.

Perkara ini telah diputuskan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Permainan Lalulintas pada tahun ini yang bersidang di Ibu Pejabat Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad pada 15 Mei yang lalu.

Antara yang hadir di persidangan itu termasuklah pegawai-pegawai kanan dan kedua-dua bahagian iaitu Kerajaan dan BSP.

Sementara itu pertandingan peringkat daerah pula akan bermula di Kuala Belait pada 26 Julai, Daerah Tutong pada 28 Julai dan Daerah Brunei Muara diadakan pada 25 Ogos depan.

Bagi Daerah Temburong pula walaupun ahli-ahli jawatankuasa belum menetapkan tarikhnya tetapi yang kemungkinan ianya akan diadakan pada bulan September ini.

Adalah dijangkakan peringkat daerah diadakanbersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-39 tahun.

Pertandingan tahunan itu adalah atas inisiatif dan anjuran Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dalam memupuk kesedaran di kalangan kanak-kanak tentang keselamatan di jalan raya.






# SEISMIK KEMBALI BEROPERASI

PENYELIDIKAN darat seismik telah kembali beroperasi di kawasan banjaran Bukit Belait berdekatan dengan Labi dan peringkat awal membuka rantis di sepanjang talian seismik telah pun selesai.

Bagi mendapatkan data-data seismik terakhir lubang-lubang telah pun digurdi yang gunanya ialah bagi meletupkan bahan-bahan peletup.

Banjaran bukit di kawasan berkenaan sangatlah menyukarkan terutama sekali tentang lokasinya yang memaksakan pihak buruh terpaksa tinggal di hutan berdekatan dengan tempat di mana mereka bekerja. Adakalanya mereka terpaksa berpindah setiap minggu apabila sahaja kemajuan diperolehi pada setiap talian seismik.

Adalah difahamkan bahawa operasi seismik itu dikendalikan oleh Seismograph Service Limited dengan para buruhnya disediakan oleh syarikat tempatan iaitu Syarikat Zainal Abidin Puteh.



KERJA-KERJA penggalian sedang dijalankan di Labi.

# 30 ORANG TERIMA SIJIL KOMPUTER

SERAMAI 30 orang ahli-ahli pengguna komputer telah menerima sijil masing-masing di satu upacara yang telah berlangsung di Kelab Ria Shell Brunei Darussalam pada hari Sabtu 11 Mei lepas.

Penerima-penerima sijil tersebut terdiri dari para peserta program asas komputer dan kursus program awalan komputer yang telah diadakan oleh bahagian ini beberapa minggu yang lalu.

Sijil-sijil berkenaan telah disampaikan oleh Peter Zaanen, Ketua Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Komputer dan Penerangan.

Di masa kini bahagian tersebut mempunyai seramai 150 orang ahli. Pengerusinya ialah Hans Geoyembier dari XGP, Salim Haji Ahmad sebagai Setiausaha iaitu dari SES, Roy Sanchez dari PPD dilantik sebagai Bendahari dan Penolong Setiausaha ialah Tony Abad dari SES.

# *Keselamatan diutamakan oleh kumpulan pembina BSP*

KERJA pembina utama ke atas projek Penjanaan – Bersama Brunei kini telah bermula dengan perletakkan batu asas bagi bangunan kawalan dan penghubung.

Perkiraan keselamatan dan kesedaran terhadap keselamatan adalah perkara yang paling utama bagi kumpulan pembina BSP.

Pada mempastikan agar semua kerja dikendalikan dengan selamat secara berterusan bukanlah merupakan satu tanggungjawab yang mudah dan ringan terutama sekali apabila memikirkan kawasan-kawasan besar yang akan diliputi seperti kawasan pembinaan Lumut; kawat janakuasa yang berukuran 16 batu panjang menghala ke Seria, loji-loji janakuasa kepunyaan Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Elektrik di Gadong dan Seria, loji imbuhan di Kuala Belait dan Stesen Cawangan di Sungai Liang.

Pemborong-pemborong, kakitangan mereka dan tenaga kerja telah pun dimaklumkan sepenuhnya mengenai pentingnya syarikat menyarankan keselamatan. Usahasama mereka yang positif dan berterusan hingga ke hari ini mempunyai hubungan yang rapat dengan keadaan perlaksanaan kerja yang selamat adalah sangat menggalakkan.

Memandangkan pekerja-pekerja di situ terdiri dari berbagai-bagai bangsa maka phamplet "UTAMAKAN KESELAMATAN" telah dicetak di dalam empat bahasa iaitu Jepun, Thai, Korea dan Inggeris.




PAPAN tanda yang kelihatan dalam gambar menyatakan 'Utamakan Keselamatan'.

# rtb/Intisari minggu ini



CARIK-carik Bulu Ayam sebuah drama komidi yang mengisahkan keluarga Liau Haji Badar yang mana dalam drama kali ini kita akan mengetahui apakah telatah di antara Liau Haji Badar dengan adiknya Awang Osman yang mana selama ini tidak begitu mesra di antara satu dengan lain. Untuk mengetahui kisah selanjutnya sama-samalah kita mengikuti ceritanya pada Hari Raya Pertama dan Hari Kedua jam 7.15 malam. Kelihatan dalam gambar Liau Haji Badar bersama Awang Jambol.

*Radio Minggu Ini:*

## SIARAN RADIO AIDILFITR

SUNGGUH tidak terasa, betapa putaran masa itu berlalu dengan cepatnya. Rasanya baju yang dipakai hari raya tahun lepas pun masih belum luntur warnanya. Kini sudah ditukar dengan yang baru lagi. Begitulah kelaziman pada setiap munculnya wajah Syawal, setiap yang merayakannya bagaikan tidak senang jika tidak memiliki sesuatu yang baru di Aidilfitri ini.

Begitu jugalah halnya dengan persembahan radio. Seboleh-bolehnya radio akan cuba mengubah wajah di hari bahagia ini. Bermacam-macam rancangan telah disediakan khusus untuk pendengaran dan hiburan di hari yang mulia ini. Pertambahan siaran akan dimulakan dari malam raya lagi dan malam inilah siaran radio akan diteruskan tanpa rehat (24 jam). Pada hari raya berikutnya mulai dari hari raya pertama membawa kepada hari raya kelima, siaran bermula dari pukul enam pagi hingga jam dua belas tengah malam.

Tentu pendengar ingin mengetahui rancangan-rancangan istimewa kami yang disediakan khusus untuk keluaran hari bahagia ini. Setentunya kami tidak dapat memberikan penerangan tentang semua rancangan, tapi memadailah jika kami kemukakan beberapa buah rancangan yang dikira dapat mewakili rancangan-rancangan yang lain.

Umpamanya dari bahagian hiburan, radio tidak dapat meninggalkan rancangan Dendang Juruhebah. Sejak ia mula-mula diterbitkan, rasanya radio tidak dapa meninggalkannya untuk bitan, sekali dalam set Lebih-lebih lagi telinga telah mendengar risik yang mengatakan ranc ini sebagai sebuah ranc yang menarik. Agaknya yang membuatkannya rik? Adakah kerana mereka yang sumbang membawakan lagu itu menjadikannya indah? bagus tak bagus pun mereka rancangan ini akan ditunggu. Yang rancangan ini seratus p akan menyebabkan seny terukir di bibir pendenga

Pihak radio memang megang prinsip yang itu adalah untuk masya Kerana itulah suasana raya ini mungkin akan rang serinya tanpa pen an dari pendengar. Ru Permintaan melalui t juga adalah dipercaya

*Drama:*

## "DETIK-DETIK DI PENGHUJUNGAN"

MEMPAPARKAN kegigihan tugas seorang Jururawat bernama Haryani terhadap pesakit tanpa memjerhitungkan diri sendiri. Pak Rudin seorang pesakit yang terlantar di hospital benar-benar mendapat simpati dari Haryani dan melayannya seperti ayahnya sendiri.

Oleh kerana Haryani sentiasa taat kepada tugasnya sehingga tunangnya sendiri pun tidak begitu diindahkan menyebabkan tunangnya Nasri merasakan dirinya dalam keadaan serba salah, tetapi selalu didampingi oleh teman karibnya Ifah. Ketika Pak Rudin menantikan saat-saat kematiannya, Haryani berusaha keras bagi menemukan anak Pak Rudin seorang Doktor yang selama hidupnya tidak diperdulikan. Berjayakah Haryani dalam usahanya untuk menemukan antara anak dan ayah itu dan bagaimana dengan tunangnya Nasri yang sudah begitu mesra dengan Ifah. Drama ini akan disiarkan pada Malam Raya kira-kira jam 9.10 malam. Arahan Azmain Dato Haji Adanan.



SALMIAH Haji Hasbullah memegang watak utama sebagai Jururawat yang lebih menyintai tugas dari tunang, H Johari H. O. sebagai Doktor dalam drama Detik-Detik Di Penghujungan yang akan dapat disaksikan pada Malam Ra



SALAH satu adegan yang terdapat di dalam drama yang berjudul "Bunga Borneo".

*Drama TV:*

## Bila Kelopak Berkembang

ABAH dan emak mempunyai dua orang anak gadis. Ani sudah bekerja sebagai kerani di salah sebuah pejabat. Ana sedang belajar dalam tingkatan enam atas. Ani selalu tidak senang dengan apa yang dilakukan adiknya. Ana berkawan baik dengan Azman anak jiran mereka. Ani pula telah bertukar cara berpakaian dari moden ke dakwah. Perubahan Ani kerana pemuda yang bernama Hisham.

Ani dari kesilapan. Abah menyedarkan kecewa dan membakar semua selendangnya. Akhirnya Abah telah menyedarkan Ani dari kesliapan. Abah menyedarkan Ani segala yang Ani lakukan hendaklah kerana Tuhan bukan kerana sesiapa.



ADEGA
Noorul I
Mohamm



ara dua Kumpulan Ronggeng Aidilfitri yang dapat kita ikuti Persembahan mereka
an Ronggeng Adilfitri, yang akan disiarkan pada Hari Raya Pertama jam 9.30 pagi.
diterbitkan oleh Zaini Mohd Yussof.



INILAH barisan pelakon-pelakan yang mengambil bahagian dalam rancangan Sandiwara Radio terbitan Zainab Haji Mohd Taha yang berjudul: SINAR DI AIDILFITRI tulisan Halimah Yaman, Brunei. Berdiri dari kiri Jamilah Abdullah, Hj Bahmin Hj Hamdan, Rohani Yusuf, Sapami Abdullah, Lina Ali dan Redzuan Hashim. Siarannya ialah pada Hari Raya Keempat jam 5.00 petang. (Gambar atas).

ang menda- menggalak- n pada se- hari raya, ketinggal- akan. Ber- hari raya ya Kelima, melayani a untuk g ditetap-

ak keting- memenuhi ma. Berba- juga telah nnya, anta- na, Sandiwara Khas. Bangsawan dan banyak lagi yang lain.

Kanak-kanak selalunya adalah golongan orang yang paling bergembira menyambut kedatangan hari mulia ini. Dari hakikat itulah radio juga tidak sunyi dari menerbitkan rancangan-rancangan khusus untuk mereka. Rancangan-rancangan itu masing-masing diberi nama Kanak-kanak Berhari Raya dan Keluarga Seni.

Sementara siaran waktu Subuh dan Maghrib radio, sebahagian besarnya dipenuhi dengan rancangan-rancangan yang berbentuk keugamaan.

Apa yang Radio Minggu Ini harapkan, agar penerangan yang singkat ini, sekurang-kurangnya akan dapat memberikan garis pandu tentang bentuk rancangan dan isinya sekali. Semogalah khidmat radio di hari raya ini akan dapat menimbulkan kesan di hati pendengarnya kerana kepuasan pendengar adalah juga kepuasan bagi pihak radio. Akhir kata Selamat Hari Raya Aidilfitri, segala silap dan salah dimohonkan ampun di hari kemenangan ini. Sekian.



PADA Hari Raya Aidilfitri 1985 ini Bahagian Kanak-Kanak TV sekali lagi akan menghiburkan adik-adik dengan rancangan-rancangan bercorak hiburan seperti :—

"DARI KECIL SEHINGGA DEWASA"
Iaitu sebuah rancangan khas Ak. Mohd. Yusri Pg. Yahya bersama adik-adik Dk. Razalina dan Ak. Shaiful Rezal.

"SUMBANGSIH SANDY"
Iaitu rancangan khas bersama Juara Bintang Kecil '85 — Sandy Sumarni Omar.

"PUPUT DI TAMAN AJAIB"
Adalah rancangan Hiburan Puput Novel bersama dengan kanak-kanak Bengkel Kuntum Bersemi.

"SATU HARI DI HARI RAYA"
Kita berhari raya bersama keluarga Siti Ainon, dengan rakan-akan.

"BERSAMA KOMBO DO RE MI"
Iaitu berhibur dengan sebuah pencaragam dari bahagian kanak-kanak TV dengan penyanyi-penyanyinya terdiri daripada Raezah Mohd. Zain dan lain-lain lagi.

Kami harap adik-adik akan terhibur bersempena Hari Raya yang mulia ini.

## Radio:

# SINAR AIDILFITRI

engan Hari Raya Aidilfitri ayu Radio menerbitkan se- Radio Khas yang berjudul RI, tulisan Halimah Yaman,

dalam keluarga menjadi arya Halimah kali ini. Pe- ulkan betapa buruknya ke- oleh seorang anak kerana nuruti kehendak ayahnya mengambil peperiksaan se- ak mendapatkan keputusan

aili tidak mahu kelulusan nggi Persekolahan di mana ehi pangkat dua. Baginya memuaskan dan memalu- Zaili berusaha lagi untuk gkat satu. Bagaimanapun Zaili merasa ia hanya mampu memperolehi apa yang telah dicapainya.

Kerana desakan dan sifat keras bapanya, Zaili akhirnya mengidap tekanan sakit jiwa. Ini membuatkan Badri lebih malu pada masyarakat sekelilingnya dan perasaan bencinya pun mulai timbul.

Setelah mendapatkan rawatan di rumah sakit, Zaili akhirnya dapat disembuhkan. Tapi malangnya setelah ia kembali ke rumah, layanan dan perhatian dari bapanya tidak seperti yang diharapkannya.

Mungkinkah tindakan bapanya itu akan menimbulkan keburukan pada Zaili Apakah perpecahan akan berlaku dalam keluarga ini? Jangan lupa untuk mengikuti kisah yang menyayat hati ini melalui siarannya pada 23 Jun, 1985 jam 5.00 petang.

Rancangan ini diterbitkan oleh Zainab Hj Mohd Taha.





a Kelopak Berkembang". Duduk sebelah kanan
kiri ialah Hussain Abu Bakar, dan berdiri Rokiah
gkan pada Hari Raya Ketiga jam 7.15 malam.

# Resipi: Nasi Tomato

BAHAN-BAHANNYA :—

- ¼ gantang beras siam No 1
- 1 tin susu beras pulut
- 8 sudu tomato puri
- 2 biji bawang besar
- 6 biji bawang merah
- 3 inci halia
- 1 gelas kismis
- ¼ gantang air.

UNTUK PENUMISNYA :—

- 4 inci kayu manis
- 16 biji cengkih
- 15 kelopak bunga lawang
- 8 biji pelaga
- 1 biji bawang besar
- 20 biji bawang merah
- 1 paun megarine atau minyak sapi
- 1 ikat daun sup
- 1 ikat daun bawang
- 2 sudu gula
- garam dan serbuk perasa secukup rasa.

CARA MEMBUATNYA :—

Bawang besar, bawang merah, halia semuanya dikisar halus, bawang besar dimayang, bawang merah dimayang dan digoreng hingga kuning. Daun sup dan daun bawang dipotong halus, beras pulut dicampurkan dengan beras, kemudian cuci dan keringkan airnya.

CARA MEMASAKNYA :—

Jerangkan periuk apabila panas tuangkan minyak, apabila minyak cair tumiskan garam, bawang dan rempah digoreng hingga kuning, kemudian masukkan kismis dan kacau rata-rata lepas itu masukkan air, tomato dan serbuk perasa serta gula. Apabila mendidih masukkan beras pulut dan kacau lagi rata-rata dan tutupkan dengan kertas minyak yang basah lebih kurang 20 minit barulah diangkat.

Kemudian sendukan ke dadalam piring dan taburkan daun sup, daun bawang dan bawang goreng.



## Dari Pendengar Untuk Pendengar

PESERTA yang mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini ialah Dayang Rostina Jumat yang beralamat No. 2 Kampong Bukit Penggal, Tutong dan rancangan ini seperti biasa akan disiarkan hari Selasa 25 Jun, 1985 jam 4.00 petang.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 19 JUN

### (Jika belum Hari Raya)

**PETANG**

2.30 PEMBUKAAN
2.32 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.42 SUSUNAN RANCANGAN
2.45 PESTA SUKAN MERDEKA (Ulangan)
4.10 ANIMAL IN ACTION: "On The Move" (Siri baru)
4.40 FAMILY TIES: "Little Man On Campus"
5.10 SUPERFRIENDS
5.40 TEKA TEPAT
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT — sambungan
6.25 CERITA/CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.38 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.48 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE: "Woman Of Steele"
7.50 AZAN ISYAK
7.54 REMINGTON STEELE—sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
9.05 TITAH PERUTUSAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
9.15 DRAMA BANGSAWAN: "Si Bakir"
9.45 BERHARI RAYA DENGAN KAKITANGAN RTB.
10.55 RENCANA: BRUNEI INDAH: "Daerah Belait"
11.25 POP EXPLOSION
11.55 HUNTER: "A Long Way To Los Angeles"
12.25 BUFFALO BILL
12.55 TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
1.25 SIARAN TAMAT.

## HARI RAYA PERTAMA

**PAGI**

7.00 PEMBUKAAN
7.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
7.15 SUSUNAN RANCANGAN
7.20 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG HARI RAYA AIDILFITRI DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.25 TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
9.00 TITAH PERUTUSAN KEBAWAH DYMM (Ulangan)
9.10 BINTANG REMAJA (Ulangan)
11.10 NADA SARI
11.40 ANIMATION: Return Of The Bunjee
12.27/28 AZAN ZUHUR
12.30 DOCUMENTARY: "The Making Of The Star Wars"
1.25 MUSTIKA AIDILFITRI

**PETANG**

2.25 MOVIE: "Superman II"
3.47/48 AZAN ASAR
3.50 MOVIE: "Superman" — sambungan
4.30 SUMBANGSIH SANDY
5.10 CANDID CAMERA: "The Difference Between Men And Women"
6.00 BERITA AWAL
6.10 PUPUT DI TAMAN AJAIB
6.38/39 AZAN MAGHRIB
6.48 PUPUT DI TAMAN AJAIB — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA: "Carik-Carik Bulu Ayam"
7.50/51 AZAN ISYAK
7.54 DRAMA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA AIDILFITRI
9.35 MALAY MOVIE: "Langit Petang"
11.00 NOT NECESSARILY THE NEWS
11.25 SIGHTS AND SOUNDS IN CONCERT: "The Thomson Twins"
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI RAYA KEDUA

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
9.15 SUSUNAN RANCANGAN
9.22 MUTIARA
10.05 ANIMATION: Yogi's Ark Lark
10.45 SBC CHILDREN HARI RAYA PROGRAMME: "Sri Aidilfitri"
11.30 STAR WARS HOLIDAY SPECIAL
12.27/28 AZAN ZUHUR
12.30 STAR WARS HOLIDAY SPECIAL — sambungan
1.00 BERSAMA KOMBO DO RE ME

**PETANG**

1.40 DOCUMENTARY: Indiana Jones — The Heroes And The Sidekicks"
2.30 COMEDY: "Two Ronnies At The Picnic"
3.00 SENANDUNG LEBARAN
3.47/48 AZAN ASAR
3.50 MOVIE: "Grease"
5.30 FABULOUS FLEISHER FOLIO
6.00 BERITA AWAL
6.05 DARI KECIL HINGGA DEWASA
6.38/39 AZAN MAGHRIB
6.48 DARI KECIL HINGGA DEWASA—sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA: "Carik-Carik Bulu Ayam"
7.50/51 AZAN ISYAK
7.54 DRAMA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SENANDUNG MELAYU AIDILFITRI
9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Si Badul"
11.00 COMEDY: "Not Necessarily The Olympics"
11.25 SIGHTS AND SOUNDS IN CONCERT: "UB 40"
12.30 SIARAN TAMAT.

### Jika Hari Raya Kedua Pada Hari Jumaat

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
9.15 SUSUNAN RANCANGAN
9.20 MUTIARA
10.00 SRI AIDILFITRI
10.50 STAR WARS HOLIDAY SPECIAL

**TENGAH HARI**

12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
1.20 BERSAMA KOMBO DO RE ME

**PETANG**

1.55 DOCUMENTARY — Indiana Jones: "The Heroes And The Sidekicks"
2.45 COMEDY: "The Two Ronnies At The Picnic"
3.10 SENANDUNG LEBARAN
3.48 AZAN ASAR
4.00 TAYANGAN GAMBAR (Paramount) "Grease"
5.30 FABULOUS FLEISHER FOLIO
6.05 DARI KECIL HINGGA DEWASA
6.39 AZAN MAGHRIB
6.45 DARI KECIL HINGGA DEWASA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA: "Cari-Carik Bulu Ayam"
7.50/51 AZAN ISYAK
7.54 DRAMA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, B.S.B.
8.45 SENANDUNG MELAYU AIDILFITRI
9.50 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Si Badul"
11.30 COMEDY: "Not Necessarily The Olympics"
12.00 SIGHTS AND SOUNDS IN CONCERT: "UB 40"
12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI RAYA KETIGA

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
9.15 SUSUNAN RANCANGAN
9.20 BINTANG KECIL (Ulangan)
11.50 ANIMATION: "Last Of The Curlews"

**TENGAH HARI**

12.28 AZAN ZUHUR
12.31 ANIMATION — sambungan
1.40 DOK: "Magic of Carpet"

**PETANG**

2.20 JOHN RITTERS: "Being of Sound, Mind And Body"
3.20 MOVIE: "The Little Prince"
3.47 AZAN ASAR
3.51 MOVIE — sambungan
5.20 HIBURAN: Satu Hari Di Hari Raya
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 TEKA TEPAT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA: "Bila Kelopak Berkembang"
7.51 AZAN ISYAK
7.54 DRAMA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 BERSAMA RAFEAH BUANG
9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Anak Tunggal"
11.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Saturday Night Fever"
12.30 SIARAN TAMAT.

### Jika Hari Raya Ketiga Pada Hari Jumaat

**PAGI**

9.00 PEMBUKAAN
9.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
9.15 SUSUNAN RANCANGAN
9.20 BINTANG KECIL (Ulangan)
11.50 DOK: "Magic Of Carpet"
11.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

**PETANG**

1.20 DRAMA (SBC) — "Penantian"
2.10 JOHN RITTERS — "Being Of Sound, Mind And Body"
3.00 TAYANGAN GAMBAR (Paramount): "The Little Prince"
3.48 AZAN ASAR
3.52 TAYANGAN GAMBAR—sambungan
4.30 SATU HARI DI HARI RAYA
5.15 TEKA TEPAT
6.00 BERITA AWAL
6.05 ANIMATION: "Last Of The Curlews"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 ANIMATION — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DRAMA: "Bila Kelopak Berkembang"
7.51 AZAN ISYAK
7.55 DRAMA — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
9.15 BERSAMA RAFEAH BUANG
10.15 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Anak Tunggal"
11.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Saturday Night Fever"
1.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 22 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DUNGEONS AND DRAGONS "The Traitor"
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAINBOW: "Shapes"
6.25 I DREAM OF JEANNIE. "One Of Our Hotels Is Growing"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 I DREAM OF JEANNIE—sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF TIMES — Siri baru
7.51 AZAN ISYAK
7.55 THE BEST OF TIMES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Pintar — Pintar Bodoh"
10.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Once More With Feeling"
12.05 ROCKLINE
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 23 JUN

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD
12.28 AZAN ZUHUR
12.32 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD — sambungan
1.15 TAYANGAN GAMBAR: "The Imposter"

**PETANG**

2.40 SUPERGRAN: "Supergran Grounded"
3.10 PINK PANTHER, ANT AND AARDVARK
3.40 BILL COSBY SHOW
3.48 AZAN ASAR
3.52 BILL COSBY SHOW — sambungan
4.10 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
4.40 SCIENCE AND SOCIETY
5.10 FAMILY HOUR FESTIVAL "I Don't Know Who I Am"
5.40 MR T: "The Crossword Mystery"
6.00 BERITA AWAL
6.05 MR T — sambungan
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 CHARLES IN CHARGE — "The Commotion"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP
7.51 AZAN ISYAK
7.55 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 SELEKTA DANGDUT
9.25 INSIDE CHINA: "The Newest Revolution"
9.50 IT TAKES TWO
10.20 LACE 2 (Siri baru)
11.10 FOX MYSTERY THEATRE
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 24 JUN

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SMURFS: "Born Rotten"
5.00 NEW SCOOBY DOO MYSTERIES
5.30 HORIZON: "Cruel Choice"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 TEKA TEPAT — sambungan

Lihat Muka 11

# RANCANGAN RTB

Dari Muka 10

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING "Double Agent"
7.51 AZAN ISYAK
7.55 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK "Nasi Tomato" Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.30 GIVE US A CLUE
10.00 DOCUMENTARY: OUT OF FIERY FURNACE: "Into The Machine Age"
10.50 FALCON CREST "Insult And Injury"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 25 JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 VOYAGES OF DR DOOLITTLE: "To Save 10,000 Monkeys"
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "A Prickly Pair"
5.30 THE WIND IN THE WILLOWS: "Mole's Cousin"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA: "Computers, Spies, Private Lives"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.49 NOVA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.51 AZAN ISYAK
7.55 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.45 ARENA SUKAN
9.46 REKASENI
10.05 DYNASTY: "Kidnap"
11.00 POT BLACK '84
11.30 SIARAN TAMAT.

# ENGLISH SECTION RADIO PROGRAMME FOR HARI RAYA

## 1ST DAY HARI RAYA

AM

11.00 It's All Yours
11.30 Hari Raya and it Traditions by Ideris Ali

PM

12.45 Hari Raya Phone In Request by Tajul Ahmad and Kate Symonds
3.00 Close Down.

## 2ND DAY HARI RAYA

AM

11.00 Islam In Daily Life
11.15 Light Music From The Netherlands — 666.
11.30 Children's Half Hour by Azizah Abdullah

NOON

12.00 Sweet and Stylish — 7/12.

PM

12.45 James Wilson In Concert produced by Kate Symonds.
2.00 Calling On You by Ak Hishamuddin
3.00 A Date with .........
8.00 Islam In Daily Life (repeat)
8.15 A Date with ......... (repeat)
9.30 Thirty-Minute Theatre.

## WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival: A Gentle Spirit by John Tavener (side 2 of 2)
9.00 Perspective
9.30 Talking About Music — 255.

## THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Drama: The Moonstone by Wilkie Collins — 5/6.
9.30 Jazz at the Questors — Humphrey Hyttelton and His Band (Prog. 1 side 2 of 3)

## SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time
8.30 My Word — A panel game — 356/360.
9.00 Hawaiian Melodies
9.30 Top of The Pops — 1072.

## SUNDAY

A.M.

11.00 Announcers Sing along produced by Ak Hishamuddin
11.30 Hitsville USA — The story of Motown Prog 5 "Easy As ABC" (Prog. 5).

P.M.

12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1072 (repeat).
1.30 Weekend Greetings by Hassan Haji Sha'ari
2.30 Just for variety by duty announcer.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Hari Raya and Its Traditions (repeat)
9.00 Beautiful Music — 4/60.
9.30 BBC Science Magazine.

## MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Turn, Turn, Turn by Sheila Hodgson based on idea by M. R. James — a play about witchcraft in the English fens during the 16th century.
8.45 Shakespeare: The Actor's View — Robert Hardy talks about Henry V — 11/18.
9.30 Jim Reeves and His Music Part 4 (side 1 of 2)

## TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Howard Jone side 1.

## DAILY

A.M.

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service).
7.00 Brunei's AM, Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence
7.30 Local News.
7.35 Tide Times presented by Azizah Abdullah.
7.36 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays. Prayer time announcement.

P.M.

2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays.
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays.
9.15 News.

# DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan-Jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUMESIN

(Di Jabatan Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 90/1985–1)
**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Calon-calon hendaklah mempunyai City and Guild Trade Certificate dalam kejuruteraan Automative (tahun kedua) dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman sebagai mekanik kenderaan.
ATAU
Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai sekurang-kurang 5 tahun pengalaman yang bersesuaian dalam pemeliharaan kedua-dua kenderaan berat dan ringan boleh dipertimbangkan.
b) Mempunyai rekod kecekapan bekerja yang baik disahkan oleh majikan sekarang atau yang lama adalah penting.
c) Kejayaan dalam ujian kemahiran secara praktikal (practical trade test) adalah menjadi syarat untuk lantikan.

**Tugas-tugas**:

Bertanggungjawab kepada Jurumesin Tingkat Khas untuk membantu kerja-kerja pemeliharaan biasa dan membaiki semua kenderaan-kenderaan RTB. Ditempatkan di Bengkel Jalan Dato Ahmad, calon-calon yang berjaya juga akan ditugaskan untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di tempat luar atau tempat penyiaran luar.

2. PEMANDU TINGKAT KHAS

a. (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 90/1985–2)
b. (Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 90/1985–3)

**Tanggagaji**: E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.
c) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan V yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU KERETA TINGKAT I

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 90/1985–4)

**Tanggagaji**: F. 3-4-5 EB. 6 — $550-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca.
b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

4. PEMANDU KERETA TINGKAT II:

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan) (Bil.: 90/1985–5)

**Tanggagaji** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan 11 (sebelas) dan mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5. PEMANDU JENTERA ANGKAT SUSUN

(Di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan) (Bil.: 90/1985–6)

**Tanggagaji**: F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman**:

a) Berumur di antara 22 hingga 45 tahun.
b) Mestilah mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah dan sekurang-kurangnya selama dua tahun dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu
c) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai lesen memandu Kelas V dan XI (sebelas) dan mempunyai pengalaman memandu jentera angkat susun atau jentera-jentera berat.

**Am**:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 Jun, 1985. (E/2189/82)

## NOTIS

## LONDON FAR EAST INSURANCE CORPORATION LIMITED

ADALAH dengan ini diumumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sekarang sedang memegang $250,000.00 iaitu bayaran yang dibuat di bawah satu Surat Jaminan sebagai cagaran bagi pengeluaran oleh London Far East Insurance Corporation Limited akan polisi-polisi insuran terhadap bahaya-bahaya pihak ketiga di bawah Undang-Undang Kenderaan Bermotor (Bahaya-Bahaya Pihak Ketiga) (Penggal 90).

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berhasrat untuk mempergunakan wang sejumlah $250,000.00 tersebut bagi maksud membayar hutang-hutang yang telah diputuskan oleh Mahkamah yang dituntut terhadap mana-mana orang yang insurannya ditanggung oleh London Far East Insurance Corporation Limited tersebut berthabit dengan bahaya-bahaya pihak ketiga menurut undang-undang tersebut. Mana-mana penuntut hutang yang telah mendapat keputusan Mahkamah sedemikian berthabit dengan tuntutan-tuntutan yang berbangkit dari sesuatu kemalangan kereta yang berlaku dalam tempoh di antara 31 Disember, 1981 dan 31 Disember, 1982 bolehlah dari itu menghadapkan tuntutan terhadap wang sejumlah $250,000.00 tersebut tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh notis ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan menerima sebarang tanggungan apa pun jua bagi pihak atau berkaitan dengan London Far East Insurance Corporation Limited tersebut selain dari mempergunakan wang sejumlah $250,000.00 bagi maksud tersebut di atas.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN-TAWARAN YANG BERJAYA

1 Tawaran JKR bagi proposed class B Flat 5 blocks housing at Kg Kiarong — Dato Hamidon Contractor & Anak2 — $6,122,921.45 — 18 bulan.

2 Tawaran JKR bagi construction of 7 blocks of 12 units modified E flats at RBAF Camp, Penanjong Camp — Pyramid Construction Ltd — $7,361,080.00 — 16 bulan.

3 Tawaran JKR bagi repair of one no complete reinforced concrete filter assembly at Seria Treatment Works—EKW & Halimah Engineering Associated — $25,950.00 — 6 minggu.

4 Tawaran JKR bagi proposed construction of gabion wall on the riverbank of Sg Belais — Bokok, Jln Belais Bangar, Temburong — Swee Sdn Bhd — $334,095.00 — 12 bulan.

5 Tawaran JKR bagi supply & delivery of Plyage HRD Pipe Marker Mesh — NIC & Sons Import/Export — $66,625.00 — 1 bulan.

6 Tawaran JKR bagi membaiki semula SM Bengkurong, Kg Bengkurong — Hamri Contractor — $33,650.00 — 75 hari.

7 Tawaran JKR bagi pembelian Bus stop di KB & Seria — Sim Boon Hua Gen Contractor—$798,034.00 — 16 bulan.

8 Tawaran JKR bagi proposed extension & repair to Public Toilets in KB & Seria — Hatta Reka Jaya Enterprise — $45,386.00 — 4½ bulan.

9 Tawaran JKR bagi renovation to existing SUK Building (for Prime Minister's Dept & Petroleum's Office) — Abdullah Ahmad Design — $605,499.00 — 3 bulan.

10 Tawaran JKR bagi renovation to existing SUK Building (for Ministry of Home Affairs & Finance Office) — Syt Thunder — $523,191.00 — 3 bulan

11 Tawaran JKR bagi mengatap semula Bengkel Pemeliharaan yang ada di Jerudong Park—Syt Thunder—$90,418.00 — [illegible] bulan.

12 Tawaran JKR bagi Construction of 2 block of Bachelors Barracks at Istana Kota Mengelila Mile 4 KB—Syt Hj Md Yusof Mohammad — $218,726.00 — 4 bulan.

13 Tawaran JKR bagi membaiki & mengubahsuai Bangunan JKR No. 88 Jln Bendahara untuk dijadikan Pejabat Biro Mencegah Rasuah, KB — Rugenco — $72,842.40 — 3 bulan.

14 Tawaran JKR bagi raising & lowering existing sewer manhole Brunei-Muara & Tutong Districts — M/s UGM Co — $39,063.00.

15 Tawaran JKR bagi pembinaan 11 blok 2 unit Perumahan Kelas G di Perkhemahan ABDB — Syarikat Pemborong POKIDDP Hj Musa — $2,511,119.67 — 9 bulan.

16 Tawaran JKR bagi membekalkan 20 drum cationic emulisifier Lilamauis EM 24 schedule No. 408/84 — Goh Hock Kee Motor — $27,200.00 — 6 minggu.

17 Tawaran JKR bagi kerja-kerja membaiki & meneat S.R. Pg Hj Mohd Salleh, Sultan Lama — Pg Hj Damit Pg Abu Bakar — $25,650.00 — 2 bulan.

18 Tawaran JKR bagi membekal alat-alat padang permainan dan kerja-kerja yang berkaitan di Perumahan Kerajaan di Jln Melabau, Jln Bahagia dan 5 blok Rumah Pangsa Kelas E di Kampong Anggerek Desa — Norah Construction Co — $183,191.00.

19 Tawaran JKR bagi proposed Water-Proofing Existing R.C. Roof Slab to block class E Flat at BSB, Fire Brigade Compound Mile 5 Jln Tutong — Mulpha (Brunei) Sdn Bhd — $38,310.00 — 45 hari.

20 Tawaran JKR bagi memasang paip air 8" A.C. sepanjang Jln Tutong dari Kilanas hingga Sengkurong—Syt Hj Salleh Aw Damit — $64,617.00 — 3 bulan.

21 Tawaran JKR bagi pembinaan sistem saluran najis & tapak pemisah untuk cadangan Tapak Pusing Keliling Jln Kiulap berhadapan Pasar Gadong — Syt Thunder — $167,470.00.

22 Tawaran JKR bagi completion of road from Bandar Tutong to Kg Jerudong contract for the supplying and laying and Asphaltic Concrete Base Course and Wearing Course — Tobishima Corporation/Aw Damit Mahmud Joint Venture — $7,500,000.00 — 8 bulan.

23 Tawaran JKR bagi proposed construction of one block of 8 units & 2 storey barracks & ancillary works at sewerage works at Kota Batu — IBM Construction — $432,701.00 — 10 bulan.

24 Tawaran JKR bagi proposed Car Park, R.C. Road, Garage & Hardstanding for Agricultural Office at Birau, Lamunin Tutong — Hj Mahmud bin Abu Bakar — $105,050.50 — 4 bulan.

25 Tawaran JKR bagi replacement of Grandstand for KBRC Padang — Syarikat Alimah Abdullah — $244,986.35 — 5 bulan.

26 Tawaran JKR bagi membuat pagar keliling, mereka & memasang sistem keselamatan untuk bangunan & membuat jambatan di SMM Sg Kebun—Norah Const—$209,810.00 — 6 bulan.

27 Tawaran JKR bagi repair & repainting for PWD No 1006 & 1053 Balai Polis Sengkurong & Lumapas — Awang Hj Metassan bin Merali — $11,930.50 — 6 minggu.

28 Tawaran JKR bagi proposed garage for District Office, Bangar, Temburong — Central Development Limited — $124,682.00 — 4 bulan.

29 Tawaran JKR bagi construction of office for Nursing Officer & Cardroom, Tutong District Hospital — Kuala Contractor — $81,196.00 — 4 bulan.

30 Tawaran JKR bagi general repair & repainting SM Kasat — Emzid Trading Co — $44,343.00 — 2 bulan.

31 Tawaran JKR bagi general repair & repainting to S.M. Panchor Murai, Jln Tutong — Norah Construction Co — $17,450.00 — 2 bulan.

32 Tawaran JKR bagi membekalkan perabot Kelas III bagi 3 blok x 8 unit barik untuk kakitangan Jabatan Elektrik, KB — Aw Tengah Hasip — $35,232.00 — 2 bulan.

33 Tawaran JKR bagi membekalkan perabot Kelas III (2 blok x 2 unit Kelas G) bagi Perumahan Kakitangan Bomba di Balai Bomba KB — Aw Tengah Hasip — $7,040.00 — 1 bulan.

34 Tawaran JKR bagi membekalkan perabot Kelas III (2 blok x 8 unit barik) bagi Perumahan Kakitangan Bomba di Balai Bomba KB — Aw Tengah Hasip — $23,696.00 — 2 bulan.

35 Tawaran JKR bagi proposed Fire Station & Guard House at Penanjong Camp RBAF—Norah Const. — $1,568,934.80 — 14 bulan.

36 Tawaran Jabatan Elektrik bagi rawatan & pemeliharaan bagi semua alat-alat perkakas & logi hawa dingin di Stadium — M/S Paramount (B) Pte Ltd — $262,447.50.

37 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik untuk Pusat Perubatan di Istana Edinburgh Jln Berakas — M/s Kwek Engineering Co — $7,434.00.

38 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik untuk Barik JKR, Tasek Lama — M/s Friendly Electrical Co — $41,923.00.

39 Tawaran Jabatan Elektrik bagi erection of fubular steel poles on concrete re-inforce piles at Kg Setia B on the Brunei River — Dara Construction Sdn Bhd—$143,200.00 — 2½ bulan.

40 Tawaran Jabatan Elektrik bagi supply of cable glands (161/84) — Lee Jong Electrical Co — $97,268.00 — 18 hingga 20 minggu.

41 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik untuk 6 blok 12 unit Kelas F Rumah Pangsa ABDB Penanjong —Friendly Electrical Co — $269,112.00.

42 Tawaran Jabatan Elektrik bagi supply & delivery twin flat wire quantity 20,000 meters — M/s Everlee & Co — $15,300.00 — 6 hingga 10 minggu.

43 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik untuk satu blok Makmal Bahasa di S.I. Sufri Bolkiah, Tutong — M/s Lee Brothers Electrical Co — $6,175.00.

44 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik bagi tambahan penyimpanan kenderaan bagi SUK/JKR di Lapangan Terbang Lama — M/s Kwek Engineering Co — $4,140.00.

45 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemasangan elektrik untuk 7 blok (12 unit) Kelas E Rumah Pangsa ABDB Tutong Kem Penanjong — M/s Wang Kim Sui Electrical Co — $302,554.00.

46 Tawaran Jabatan Elektrik bagi Rumah Lapisan Pertanian Kg Tanah Jambu — M/s Brunei Electric Co — $4,778.00.

47 Tawaran Jabatan Elektrik bagi penggantian pemasangan bagi kawat & alat-alat elektrik di SM Ahmad Tajuddin KB — $31,882.00.

48 Tawaran Jabatan Elektrik bagi membaiki & merawat ke atas Jentera Hawa Dingin di RBA Hanger — M/s Paramount (B) Pte Ltd — $55,610.00.

49 Tawaran Jabatan Elektrik bagi supply of 7 Nos 15 KVA Portable Diesel Generating Set — Atlanta Engineering Ltd — $23,758.00 (termasuk frame)

50 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemeliharaan & memperbaiki kerja-kerja hawa dingin di Pejabat Daerah Tutong — AEC Air Conditioning & Engineering (Pte) Ltd — $21,790.00.

51 Tawaran Jabatan Elektrik bagi pemeliharaan hawa dingin di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei — Q-Carrier (B) Sdn Bhd — $27,183.00.

52 Tawaran Jabatan Telekom bagi P2136 — Sengkurong Exchange from Cabinet 7 to Cabinet 6 along Jalan Jerudong — Malbrun Engineering — $15,801.16 — 5 minggu.

53 Tawaran Jabatan Telekom bagi supply of Guyed Triangular Masts — Ting Sii King Electric Co Ltd—$485,361.00 — 3 bulan.

54 Tawaran Jabatan Stor bagi pembekalan Bateri — The Borneo Co (B) Ltd — $21,724.00 (+ cukai dan penghantaran ke Stor Negara) — 6 minggu.

55 Tawaran Jabatan Stor bagi pembekalan Tayar Yokohama — Hock Motor — $114,203.40 (CIF + cukai)—100 hari.

56 Tawaran Jabatan Stor bagi pembekalan Manhole Frame & Cover to BS 497 — Castle Trading Co — $84,000.00.

57 Tawaran Jabatan Stor bagi Hardboard Sheet, size ⅛" x 4' x 8' — Anggerek Enterprise — $86,800.00 (CIF + cukai penghantaran ke Stor Negara).

58 Tawaran Polis bagi membekal material for security passes — Ace Agencies (B) Co — $15,365.00 — 3 bulan.

59 Tawaran Polis bagi supply of Workshop wood working machines — Aw Tengah Hasip — $17,117.00 — 45 hari.

60 Tawaran Polis bagi membekal propellers & Rudders for Police Boat — Mengsina Pte Ltd — $21,300.00 (CIF) — 6 hingga 8 minggu.

61 Tawaran Polis bagi membekalkan Johnson Outboard Engines — Sarbanika Marine Equipment & Machinery Supply Co — $65,164.00 — Tempoh pembekalan bila-bila masa (ex-stock).

62 Tawaran Polis bagi membekal Diesel Engines — Crown Organisation Ltd — $78,418.00 — 90 hari.

63 Tawaran Polis bagi membekal electrical components for Marine Police — Hopel Enterprise — $8,659.10 — 3 hingga 4 bulan.

64 Tawaran Thomas Chin bagi proposed Govt Housing at Kg Beribi Gadong, Phase II House Lot No 2 — Sri Miyama Engineering Corp — $3,590,000.00 — 10 bulan.

65 Tawaran Associated Consultants bagi air-conditioning installation to proposed Rapier Firing Ranges Complex at Binturan Ranges — M/s Unity Air Conditioning Electrical & Eng Co Ltd — $63,246.50.

66 Tawaran Ibrahim Leeng bagi air conditioning installation to proposed Motor Transport, Centralised Armoury & Garrison Engineers Complex in Penanjong Cantonment — M/s Mechaire Engineering Sdn Bhd — $29,983.00.

67 Tawaran Booty Edwards bagi proposed restoration of Fire Damage to Officers Mess, Tutong Camp — Syarikat Perniagaan Hasidan — $1,495,509.57 — 9 bulan.

68 Tawaran Specs bagi proposed Fish Landing Complex at KB — PM Construction & Trading Ltd — $1,520,464.21 — 10 bulan.

69 Tawaran Watson bagi BSB Water Supply — Stage 4, contract 35C — Pipelines & Reservoir — Lambak Area — Ketua Contractors Pte Ltd — $9,390,490.09 — 16 bulan.

70 Tawaran Ibrahim Leeng bagi replacement of filter plant & renovation to swimming pools at Anggerek Desa & Pusat Belia — Khin Ping Sdn Bhd — $724,078.81 — 6 bulan.

71 Tawaran Watson bagi BSB/Muara/Tutong Water Supply Stage 4 Benutan Dam & Reservoir Contract 42 — Embankment & Ancillary Works — Aoki Corporation — $42,800,000.00 — 36 bulan.

72 Tawaran Syed Muhammad & Hooi bagi Educational Establishment Sewerage — Jln Muara — Laila Consruction Sdn Bhd — $447,319.60 — 10 bulan.

73 Tawaran Associated Consultants bagi high mast & security lighting installation for proposed Muara Port Wharf Extension, Muara — M/s Syarikat Jurutera Siti Rafeah-LSK Sdn Bhd — $173,497.00.

74 Tawaran Brisma bagi electrical installation for proposed CQB Ranges, Flotilla Base — Hj Sulong Electrical Eng Pte Ltd — $331,129.26.

75 Tawaran Langdon Every & Seah bagi Govt Offices at Bangar, Temburong — Sri Miyama Engineering Corp Sdn Bhd — $8,230,000.00 — 15 bulan.

76 Tawaran ABDB bagi Stole inflatable for Life Preserver — Syarikat O.I.L. Industrial Services Bhd — $5,700.00 — 16 minggu

77 Tawaran ABDB bagi Night Landing Aid — Syarikat Glamour — $6,375.00 CIF — 8 minggu.

78 Tawaran ABDB bagi soft eyed Lifted Slings — Syarikat Jetmard Trading — $5,720.00 — 4 minggu.

79 Tawaran ABDB bagi Aircraft Weighing Kit — Syarikat Gamco Helitronics — $33,809.28 CIF — 150 hari.

80 Tawaran DBP bagi mencetak Majalah Mekar — Borneo Printer & Trading Ltd — $9,750.00 bagi 15,000 naskah — 12 hari.

81 Tawaran Pelajaran bagi pembekalan Pelapik Meja & Pelapik Kerusi — Orbit Enterprise — $35,000.00 — 3 hingga 4 minggu.

## Sebagai Pegawai Jururawat Pergigian

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PEGAWAI JURURAWAT PERGIGIAN di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji** : M. 11—$1920-2015-2110-2205-2300-2395-2490-2585-2685-2775/EB/2870-2965-3060-3155-3205 sebulan.

**Kelayakan :**

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai sesuatu Diploma atau Sijil Kursus Ketua Jururawat Pergigian dari New Zealand atau kelayakan yang sebanding dengannya. Butir-butir sijil dan pengalaman tambahan hendaklah dinyatakan dalam borang permohonan.

Pemohon-pemohon yang boleh bertutur dalam bahasa Melayu dan Inggeris adalah mempunyai satu kelebihan. Mereka mestilah sihat dari segi jasmani dan perubatan.

**Pengalaman :**

Calon-calon dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja praktikal setelah memperolehi Diploma Kursus Ketua Jururawat Pergigian. Pengalaman dalam perkhidmatan pergigian kesekolah-sekolah dan dalam menyusun tugas-tugas jururawat-jururawat pergigian merupakan satu kelebihan.

**Umur :**

Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 25 hingga 55 tahun.

**Tugas-tugas :**

Tugas-tugas jawatan ini meliputi klinik-klinik sekolah, hospital dan klinik-klinik bergerak bahagian pergigian.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 1 Ogos, 1985.

(Bilangan iklan: 92/1985).

(E/390/80)

## NOTICE
## LONDON FAR EAST INSURANCE CORPORATION LIMITED

IT is hereby notified that His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan's Government is now holding $250,000.00 being payment made under a Letter of Gurantee as security for the issue by London Far East Insurance Corporation Limited of policies of insurance against third party risks under the Motor Vehicles (Third Party Risks) Enactment (Cap. 90).

His Majesty's Goverment intends to apply the said sum of $250,000.00 for the purpose of paying judgement debts entered against any person insured by the said London Far East Insurance Corporation Limited in respect of third party risks pursuant to the Enactment. Any judgement creditor who has obtained such a judgement in respect of claims arising from a motor accident occurring during the period between 31st. December, 1981 and 31st. December, 1982 may therefore submit a claim to the said sum of $250,000.00 not later than 30 days from the date of this notice.

His Majesty's Government accepts no liability what so ever for or in cinnection with the said London Far East Insurance Corporation Limited other than to apply the said sum of $250,000.00 as aforesaid.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI KETUA JURUTEKNIK UKUR

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KETUA JURUTEKNIK UKUR di Jabatan Ukur,. Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : C. 3-4 EB 5 — $1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 35 hingga 50 tahun.

b) Hendaklah mempunyai Diploma T.E.C. (Peringkat Tertinggi) dalam jurusan Land Surveying, atau kelulusan yang sebanding, daripada Institut Teknikal yang diiktiraf.

Hendaklah sebaik-baiknya mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman setelah memperoleh kelulusan dan juga sebanyak sedikit pengalaman pentadbiran.

ATAU

c) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah, termasuk sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Penyelia, sebagai Juruteknik Ukur Kanan, serta mempunyai pengalaman pentadbiran boleh juga dipertimbangkan dengan syarat mereka mempunyai kebolehan yang terbukti.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Julai, 1985.

( Bilangan iklan : 43/1985 )
( E/250/75 )

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 71 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL010
CADANGAN 3 BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN, MERANGKING ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup : 3 Julai, 1985.
Cagaran tawaran : $300.00.

### BIL: KB 72 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" untuk :

PROJEK No. 84AB/PEL067
CADANGAN BILIK PENTADBIR BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN, TELESAI TUTONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup : 1 Julai, 1985.
Cagaran tawaran : $600.00.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/70/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK UBAHSUAI BAGI KAWASAN PANGGILAN LUAR NEGERI, TELEX DI PEJABAT POS BESAR, B.S.B., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 3 Julai, 1985, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/71/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 X 'G' QUARTERS DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/79/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MASJID DI KAMPONG BUKOK, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 3 Julai, 1985, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $200.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/81/1985**

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK DEWAN SERBA GUNA BAGI JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985, hari Rabu jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL. : PPL/MTB/86/1895**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 10 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

MENDIRIKAN TIANG-TIANG LAMPU JALAN RAYA DAN MENANAM KABEL DARIPADA SIMPANG JALAN KEBANGSAAN HINGGA SIMPANG KOLAM RENANG/KAMPONG ANGGEREK DESA STADIUM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada hari Rabu 3 Julai, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/87/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 10 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

MENDIRIKAN TIANG-TIANG LAMPU JALAN RAYA DAN MENANAM KABEL DARIPADA SIMPANG JALAN BERAKAS MILE 3, HINGGA KE JALAN COMPLEX JABATAN-JABATAN KERAJAAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Rabu 3 Julai, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

**BIL. : PPL/MTB/91/1985**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 10 Julai, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

MENGGALI PARIT LALUAN KABEL DAN MENANAM TIANG-TIANG LAMPU ELEKTRIK, KAMPONG PERPINDAHAN MATA-MATA, GADONG, SUB-DIVISION ROAD.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Rabu 3 Julai, 1985 pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tawaran yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan

BIL.: 5/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 10 Julai, 1985 untuk membekalkan seperti berikut :—

"PELBAGAI SALURAN TELEFON RADIO PEGANG TANGAN"

2. Keterangan - keterangan lanjut boleh diperolehi dari Pengawal Pelabuhan-Pelabuhan, Jabatan Pelabuhan, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat yang tertutup tanpa pengenalan nama pemborong-pemborong di depan sampul-sampul surat tersebut. Sampul-sampul surat tersebut mestilah ditanda dengan terang dan jelas.

"TAWARAN JABATAN PELABUHN - PELABUHAN — PELBAGAI SALURAN TELEFON RADIO PEGANG TANGAN."

4. Pemborong - pemborong yang menghantarkan tawaran mereka hendaklah menyerahkan katalog alat yang ditawarkan disertai dengan keterangan-keterangan yang berikut :—

   a) Harga tiap-tiap sebuah termasuk cukai
   b) Lama tempoh dalam jaminan
   c) Lama tempoh dalam pembekalan.

5. Wang cagaran sebanyak $500.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Negara Brunei Darussalam.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang rendah/murah atau sebarang tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

**BIL.: JKP/11/1985**

1. Nama Projek :

   CADANGAN PERINGKAT I KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR KE ATAS RP/PN KAMPONG PANDAN, KUALA BELAIT.

2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Kawasan Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam
   mulai hari Rabu 10 Julai hingga 3 Ogos, 1985.

3. Kelayakan pemborong : Kelas 'A' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4. Cagaran tawaran : $10,000.00 + $100.00 (dokumen) + $150 (pelan).

5. Tarikh tutup : Hari Isnin 5 Ogos, 1985 jam 12.00 tengah hari.

6. Syarat-syarat tawaran :

   6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

   6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

   6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada :

   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran,
   Bangunan Kementerian Kewangan,
   Tingkat Empat,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

   6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam.

   6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender);

   6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

   6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan

   6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 224 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD419/0301 dan AD413/0301
MENIMBUS TANAH BAGI PERSEDIAAN TAPAK UNTUK TAPAK BANGUNAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN PUSAT MEMPROSES BUNGKUSAN DI LAPANGAN TERBANG LAMA, SIMPANG JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 20 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 24 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 225 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja (pemborong elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD419/1001
PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN BANGUNAN PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN DI TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 226 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A dan B" (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD426/2901
PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN KEDAI NAAFI KELAS 'C' DI PENANJONG UNTUK ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 227 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A dan B" (Pemborong Hawa Dingin yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD414/0123
PEMASANGAN HAWA DINGIN UNTUK CADANGAN RUMAH DI PLOT No. 2 BAGI PERUMAHAN KERAJAAN (PERINGKAT II), DI KAMPONG BERIBI, GAODNG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 228 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A dan B" (Pemborong Elektrik yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD414/0123
PEMASANGAN ALAT-ALAT DAPUR UNTUK CADANGAN RUMAH DI PLOT No. 2 BAGI PERUMAHAN KERAJAAN (PERINGKAT II), DI KAMPONG PERIBI, GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 229 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/10405
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MASJID SUFRI BOLKIAH DI KAMPONG PERPINDAHAN, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 230 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13908
PEMBAHARUAN BLOK PENTADBIRAN DI S.T.P.R.I., BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 231 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berkelayakan untuk:

PROJEK No.: 85AW/1800
MEMBEKAL DAN MEMASANG TIGA BUAH A.C. INDUCTION MOTOR BAGI STESEN PENGEPAM SALURAN NAJIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 232 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 84AR/SUK006
MEMBEKAL SATU (1) UNIT FIBRE GLASS BOAT DAN DUA (2) UNIT 115 H.P. OUTBOARD ENGINE.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.

### BIL: JKR 233 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL031, 85AB/PEL036 & 85AB/PEL037
PEMBINAAN SATU BLOK TANDAS DI SEKOLAH MELAYU PANCHOR MURAI, SEKOLAH MELAYU KATIMAHAR DAN SEKOLAH MELAYU JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh di ihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1885.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 234 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD407/1101
PEMBINAAN PARIT TETULANG DAN PENAHAN DINDING GABION MENGHUBUNGKAN JALAN MANGGIS — SUBOK DI DAERAH BRUNEI-MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1885.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 235 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD407/1801
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN PAIP KALBAT BAGI CADANGAN JALAN RAMBAI MERIMBUN DAERAH TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 29 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 3 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 236 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD418/0501
PEMBINAAN PAPAN KENYATAAN, PAGAR KESELAMATAN DAN PINTU PAGAR DAN LAIN-LAIN DI LETAK KERETA BERTINGKAT, JALAN CATOR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 29 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 3 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 237 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/13400
CADANGAN STOR BENGKEL DAN SERAMBI (PENARUHAN KERETA) DI STESEN SEMBOYAN ISYARAT MUARA BAGI JABATAN LAUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 6 Julai, 1985.

Tarikh tutup: 10 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: JKR 238 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AW416/0601
MENCAT SEMULA LOJI PENGEPAM NAJIS YANG SEDIA ADA DI PUSAT TINGKATAN ENAM, JALAN KIARONG — GADONG BAGI SKIM SALURAN NAJIS KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 29 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 3 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 239 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan pembekal berkenaan untuk:

PROJEK No.: AW416/0602
MEMBEKAL BARANG-BARANG GANTI ELEKTRIK DAN MEKANIKAL BAGI STESEN PENGEPAM NAJIS DAN LOJI PENGEPAM NAJIS DI SALURAN NAJIS KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 20, Julai, 1985.

Tarikh tutup: 24 Julai, 1985.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
## NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Julai, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga hari Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL: PROC/T/114/85

MEMBEKAL:

CRANE ROUGH TERRAIN
CAGARAN: $500.00

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

BRUNEI

## BRUNEI SHELL PETROLEUM CO. SDN. BHD.

### INVITATION TO TENDER No. SSU 4/1985

| Item | Quantity | Description |
|---|---|---|
| 01 | 12 pcs | Rank Xerox 3100/3600 and Canon Copier/Duplicator Machines. |
| 02 | 2 units | Lincolnweld trailer-mounted Arcmaker sets driven by 4-Cylinder Perkins Diesel Engines, Model SAE 300, Reg. Nos: KB 8576 and KB 8577 |
| 03 | 1 pce | CRC PB-6-20 Hydraulic Pipe Bending Machine upto 16" dia. c/w 6", 12", 16" Pipe Bending dies etc driven by Deutz diesel engine |
| 04 | 1 set | Helicopter Jet A-1 'Mini Fuelling' System. |
| 05 | 3 pcs | Angus/Conventry FWBP Portable Fire Pumps, 12 volt Electric Starter/Petrol Engines, Cap. 500 GPM, S/Nos.: 13334, 13489, 13491. |
| 06 | 6 pcs | Gardner Denver/Chicago Air Winches, Model: MK18/CP-10-PSLB, S/Nos.: 447485, 531724/28. |
| 07 | 3 pcs | Wabco Air Compressor/Trirotor Rotary Displ. Pump, Electric Motor Driven, S/No.: 455 x 1234, T-4351, T4352. |
| 08 | 2 pcs | Reda Submersible Pump, Cap: 1100 GPM, 2-Stage, S/Nos.: 75-40662. |
| 09 | 1 pce | Johnson Outboard Motor 9HP — Dismantled. |
| 10 | 1 pce | Johnson Outboard Motor 40HP. |
| 11 | 1 pce | Coronet Major Universal Woodworking, 3 phase, 400 volts, S/No.: F48765. |
| 12 | 5 pcs | Selco Spar Buoys c/w lights, Model 6. Qtr of Acquisition: 3/79 and 80. |
| 13 | 3 pcs | Model SR-130 O'Comor Gyro Compass with Master & Control Box; Conway Model 639 Multi-Range Test set c/w carrying case; Black & Decker Valve Refacer Model: SD0150. |
| 14 | 1 pce | Trailer D/Axel 4-wheel c/w wooden rack for plastic pipe, Dim: 21'L x 8'W x 5'H. |
| 15 | 1 pce | Barytes Storage Tank, Capacity 950 cu.ft. |
| 16 | 1 pce | Bowen Power Swivel, Model: S-2 complete with spares. Hydraulic driven. Hydraulic System is driven by 90HP Caterpillar diesel (skid mounted), S/No.: 105. |
| 17 | 12 pcs | Byron Tongs Type "E" and "Regular" to handle 7", $9\frac{5}{8}$", $10\frac{3}{4}$", $13\frac{3}{8}$" and 16" casings. |

NOTES

1. Items may be viewed at Supplies Movable Store, Seria.
   Please contact:
   Supplies Department/Disposal Section,
   B.S.P. Co. Sdn. Bhd., Seria.
   (SSU/15, Tel.: No. 3527/3520, PAN)
2. The closing date for receipt of tenders shall be 1600 hours on 8 July, 1985. Tenders shall be addressed in sealed envelopes to: —
   Chairman,
   Tender Board,
   Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad, Seria.
   Negara Brunei Darussalam
   "Endorsed: Brunei Shell Petroleum Co. Sdn Bhd Invitation to Tender No. SSU 4/1985".
3. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of terms of tendering as usual, details of which can be obtained on request at the SSU/15 office.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada 24 Jun, 1985 bagi membekalkan "PERMAIDANI UNTUK DEWAN LAPAU."

Keterangan-keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh diperolehi daripada Jabatan Adat Istiadat Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN PERMAIDANI UNTUK DEWAN LAPAU" dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada: —

Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Empat,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Julai, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contah-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL: PROC/T/151/85
MEMBEKAL:
GENERATOR DELCO SPARE
CAGARAN: $100.00.

BIL: PROC/T/152/85
MEMBEKAL:
POLAROID CAMERA
CAGARAN: $100.00.

BIL: PROC/T/153/85
MEMBEKAL:
ENGINE OUTBOARD
CAGARAN: $200.00.

BIL: PROC/T/154/85
MEMBEKAL:
JABSCO PUMP SPARES
CAGARAN: $200.00.

BIL: PROC/T/155/85
MEMBEKAL:
MERCEDES SPARE
CAGARAN: $100.00.

BIL: PROC/T/156/85
MEMBEKAL:
LIGHT TRIPLE PENDANT
CAGARAN: $100.00.

BIL: PROC/T/157/85
MEMBEKAL:
FOOD CONTAINER
CAGARAN: $200.00.

BIL: PROC/T/158/85
MEMBEKAL:
TENT LIGHTWEIGHT
CAGARAN: $200.00.

BIL: PROC/T/159/85
MEMBEKAL:
PERALATAN TENTERA
CAGARAN: $300.00.

BIL: PROC/T/160/85
MEMBEKAL:
PERALATAN TENTERA LOT I
CAGARAN: $300.00.

BIL: P/RC/65
MEMBEKAL:
PERKHIDMATAN DERATTING/DISINFESATION OF ON/OFF SHORE INSTALLATION AT MUARA BASE
CAGARAN: $300.00.

## Tender Notice Telecommunications Department

TENDERS are invited for the supply of WOODEN POLES SELANGAN BATU FOR TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

Details of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

Tenders will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon Monday 24th. June, 1985.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TENDER FOR WOODEN POLES — SELANGAN BATU.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply of SELF — SUPPORTING CABLE FOR TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

Details of quantities and specifications can be obtained from the office of Director of Telecommunications, 1st. Floor, Telephone House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, on payment of deposit of $500.00 which will be refunded to unsuccessful tenderers who submit a valid tender.

Tenders will be received by the Chairman Tenders Board, 4th. Floor, Ministry of Finance, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, not later than 12.00 noon Monday 30th. June, 1985.

Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked: —

TENDER FOR AERIAL SELF — SUPPORTING CABLE.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept lowest or any tender.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/32/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MAKMAL BAHASA DI SEKOLAH INGGERIS SUFRI BOLKIAH, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/34/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN LENGKAP BAGI SEMUA UNIT HAWA DINGIN DI ISTANA DARUL HANA DAN BANGUNAN YANG BERKENAAN DARI 1 OGOS, 1985 HINGGA 30 JULAI 1988.

Tarikh tutup: 24 Jun, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/71/1985**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 1 x 'G' QUARTERS DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/72/1985**

Tajuk: SPARES FOR KENWOOD COOKER.

Tarikh tutup: 10 Julai, 1985.

Cengkeram: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/74/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN BAGI UNIT HAWA DINGIN DI BEACH RESIDENCE JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BRUNEI DARUSSALAM DARI 1 OGOS, 1985 HINGGA 30 JULAI, 1988.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985 hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/75/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN BAGI UNIT HAWA DINGIN DI KELAB POLO JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tuptup: 10 Julai, 1985 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/76/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN BAGI UNIT HAWA DINGIN DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS DAN LAPAU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI 1 OGOS, HINGGA 30 JULAI, 1988.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/77/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN BAGI UNIT HAWA DINGIN DI ISTANA DARUL AMAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI 1 OGOS, 1985 HINGGA 30 JULAI, 1988.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/MTB/78/1985**

Tajuk kerja: RAWATAN BAGI UNIT HAWA DINGIN DI ISTANA EDINBURGH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DARI 1 OGOS, 1985 HINGGA 30 JULAI, 1988.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

## ROYAL BRUNEI POLICE FORCE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board Negara Brunei Darussalam.

Tenders should be placed in the Tender Box situated at: —

4th. Floor,
Jabatan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

by 12.00 noon on the stated closing date.

2. Tender document can be collected from: —

Head of Logistics & Procurement,
Police Headquarters,
Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

TENDER NO. 44/1985

MUSICAL INSTRUMENTS FOR POLICE BAND
(Closing date — 8 July, 1985).

## Seminar mengenai orang-orang cacat berakhir

BERAKAS. — Seminar mengenai orang-orang cacat yang bertemakan "Penglibatan Masyarakat Dalam Usaha Pemulihan Orang-orang Cacat" telah berakhir hari Selasa lepas.

Seminar dua hari itu disertai oleh kira-kira 100 orang peserta dan antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada peserta-peserta tentang masalah dan keperluan orang-orang cacat, serta memberikan maklumat tentang berbagai perkhidmatan yang disediakan bagi mereka.

Di samping itu seminar tersebut juga bertujuan memberi maklumat mengenai dengan orang-orang cacat kepada masyarakat umum dalam berbagai aspek kehidupan termasuk ekonomi dan sosial.

Di hari penutup seminar tersebut para peserta telah menerima sijil-sijil mereka yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Ustaz Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud.



PEMANGKU Pengarah Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Ustaz Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, menyampaikan sijil kepada peserta seminar Awang Haji Masri bin Rauf Ketua Kampong Saba. Gambar oleh Rabaee Sabli.

# PERADUAN MENULIS KHAT ASEAN

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Negara Brunei Darussalam sedang menganjurkan Peraduan Menulis Khat yang terbuka kepada negara-negara Asean.**

**Peraduan yang bertemakan "Dakwah Melalui Keindahan Seni" ini antara lain dicadangkan bagi sempena Pembukaan Pusat Dakwah Islamiah yang akan diadakan tidak berapa lama lagi.**

Memperkembangkan Seni Khat Islam yang menjadi salah satu unsur peradaban dan tamadun Islam sejak lebih dari seribu tahun yang lalu dan bagi mendekatkan lagi umat Islam menikmati keindahan seni khat adalah antara lain tujuan peraduan ini diadakan.

Sesuai dengan hukum Islam mengenai seni pihak penganjur hanya akan membenarkan menulis tulisan-tulisan khat yang tidak mempunyai latar belakang yang berlawanan dengan konsep Islam terutama gambaran-gambaran latar belakang yang boleh mengelirukan fahaman akidah Islam seperti lukisan orang, burung-burung dan lain-lain.

Jawatankuasa penganjur berhak untuk menapis dan menolak mana-mana penyertaan yang difikirkan tidak sesuai.

Penulis-penulis boleh menggunakan apa-apa jua bentuk media tulisan yang difikirkan sesuai sama ada dakwat (waterproof) atau lain-lain tetapi tidak boleh menggunakan ketukan, pahatan atau lain seumpamanya. Bahan adalah bebas sama ada kertas lukisan, kain atau lain-lain dengan syarat jangan menggunakan bahan yang dihukumkan haram.

Selain dari itu, ukuran tiap-tiap tulisan hendaklah tidak kurang daripada 18 inci x 36 inci dan tidak lebih daripada 36 inci x 36 inci, dan hendaklah ditulis mengikut kaedah ejaan Othmani, serta hendaklah terus siap dengan bingkainya sekali.

Bahan-bahan yang ditulis dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sama ada dipilih melalui Kalimah, Surah atau Ayat-ayat Suci Al-Quran.

Tiap-tiap peserta hanya boleh mengemukakan tiga jenis tulisan yang mesti melengkapi ketiga-tiga kategori tersebut dan bentuk tulisan hendaklah berlainan tiap-tiap tulisan itu.

Antara jenis-jenis tulisan yang menjadi pertandingan ini ialah tulisan Thuluth, Al-Farisi, Diwani, Diwani Al-Jali, Kufi dan Al-Raihani.

Jawatankuasa pengajur dijangka akan menyediakan hadiah-hadiah yang berupa wang tunai kepada pemenang pertama, kedua dan ketiga bagi peserta individu untuk tiap-tiap kategori dan juga hadiah-hadiah kepada peserta terbaik bagi kumpulan ketiga-tiga kategori.

Di samping itu pihak penganjur juga menyediakan 15 hadiah penghargaan kepada peserta tulisan individu dan 5 hadiah penghargaan kepada peserta terbaik bagi kumpulan ketiga-tiga kategori.

Lapan hadiah juga akan diberikan kepada peserta-peserta dalam negeri yang tidak mendapat apa-apa hadiah di atas (bagi peserta individu sahaja).

Borang-borang peraduan boleh didapati dari sekarang melalui Kedutaan-kedutaan dan Suruhanjaya Negara Brunei Drussalam ke Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina atau menghubungi terus Urusetia Peraduan dan hendaklah dihantar kepada Urusetia, Peraduan Menulis Khat, Pusat Dakwah Islamiah, Kampong Pulaie, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada 15 Ogos, 1985.

Pemenang-pemenang akan diberitahu dan akan dijemput untuk menerima hadiah dan diberi tambang ekonomi pergi balik daripada tempat mereka (bagi pemenang hadiah pertama, kedua dan ketiga sahaja).

Belanja dan urusan menghantar tulisan kepada Urusetia termasuk membungkus, mengirim, insuran tidak ditanggung oleh pihak penganjur tetapi pihak penganjur akan mengembalikan mana-mana penyertaan yang tidak memenangi hadiah dengan cara yang difikirkan sesuai dan selamat. Sementara peserta-peserta dalam negeri hendaklah mengambil sendiri karya mereka sesudah selesai peraduan dan pameran.

# 760 ANAK YATIM TERIMA DERMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 760 orang anak-anak yatim Daerah Brunei dan Muara telah menerima wang derma sebanyak $80.00 bagi tiap-tiap seorang yang berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini pada Ahad lepas.

Penyampaian derma tersebut telah dilakukan oleh Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Timbalan Pengerusi Majlis, Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Haji Abd Rahim, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara dalam ucapan alu-aluan antara lain mengingatkan anak-anak yatim agar mereka menumpukan sifat rajin, tekun serta sabar dalam menghadapi pelajaran dan persekolahan mereka, kerana hanya pelajarlah yang dapat menjamin masa depan mereka.

Seterusnya menurut beliau dari sumbangan yang telah diterima oleh tabung ini, jelas membuktikan bahawa masyarakat di negara ini mengambil berat terhadap nasib anak-anak yatim dan beliau mengharapkan agar perhatian seumpama ini akan berterusan kerana sedikit sebanyak ianya dapat mengurangkan beban dan kesusahan yang ditanggung oleh mereka yang kurang bernasib baik.

Menyedari hakikat inilah Jawatankuasa Tabung Anak-anak Yatim Daerah ini, akan sentiasa berusaha mengubah suai perjalanan urusan tabung ini iaitu selain daripada memberikan derma-derma menjelang Hari Raya, ianya juga akan memberikan perhatian kepada perkara-perkara lain demi kepentingan anak-anak yatim dalam bidang pelajaran, ekonomi dan sebagainya, jelas beliau.

## Nasib orang-orang cacat sentiasa diambil berat

dari muka 1

Dato Paduka Awang Sidek berucap demikian semasa merasmikan seminar penglibatan masyarakat dalam usaha pemulihan orang-orang cacat, anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini Isnin lepas.

**PAKAR**

Menurutnya lagi, ketika ini seorang pakar daripada negara jiran telah didatangkan ke negara ini bagi mengenal pasti bidang-bidang tertentu yang boleh diusahakan oleh Kerajaan ke arah meningkatkan dan memperbaiki lagi keadaan orang-orang cacat supaya masa depan mereka akan lebih terjamin.

Sebanyak lima buah kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar dua hari itu iaitu Masalah dan keperluan Orang-orang Cacat Untuk Menghadapi Cabaran Hidup Masa Kini, Kumpulan Bermain Kalangan Kanak-kanak Cacat, Pelajaran Khas Dalam Suasana Persekolahan Biasa, Pusat Bimbingan dan Latihan Kanak-kanak Cacat, Serta Peranan Keluarga dan Ahli Masyarakat Dalam Usaha Pemulihan Orang-orang Cacat.

Di samping pembentangan kertas kerja, para peserta yang menyertai seminar itu juga telah diperlihatkan filem-filem rencana mengenai orang-orang cacat seterusnya mengadakan beberapa soal jawab.

# 16 ORANG LAGI DIDENDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — 16 orang lagi telah didenda kerana melanggar Peraturan Puasa oleh Makhamah Kadi Daerah Brunei dan Muara dan Kuala Belait pada minggu lalu.

Dari jumlah tersebut 14 orang daripadanya telah didenda kerana didapati makan, minum dan mengisap rokok di siang hari dalam bulan Ramadan. Sementara dua yang lainnya didenda kerana bersubahat memberikan minuman di siang hari dalam bulan Ramadan.

Tiga orang didenda kerana makan di khlayak ramai di siang hari dalam bulan puasa. Awang Morshidi bin Sobri dari Kampong Stunggang Lundu, Bahagian I, Sarawak, Malaysia didenda $40.00. Sementara dua yang lainnya dijatuhkan hukuman bond berkelakuan baik dua bulan. Mereka ialah Awang Yusri bin Udin dan Awang Johari bin Haji Lamit keduanya dari Kampong Sengkurong.

Empat orang wanita termasuk seorang belia telah dijatuhkan hukuman denda kerana didapati meminum minuman di khalayak ramai di siang hari bulan Puasa. Mereka ialah Dayang Damit binti Lamudin, Dayang Alimah binti Matusin keduanya berasal dari Kampong Saba dan Dayang Rosni binti Mohin dari Kampong Lurong Sikuna.

Ketiga-tiga mereka masing-masing didenda $40.00. Sementara Dayang Alimah binti Talip berasal dari Kampong Nangka Sibu, Miri Sarawak, Malaysia didenda sebanyak $35.00. Manakala Awang Alisham bin Abd. Rahman dari Kampong Sengkurong dijatuhkan hukuman bond berkelakuan baik selama dua bulan.

Sementara dua orang didenda kerana didapati makan dan minum. Mereka ialah Awang Derin bin Karim dari Kampong Kilanas didenda sebanyak $40.00 dan Awang Alim bin Jaafar dari Kampong Jaya Setia Perpindahan Berakas didenda sejumlah $35.00.

BERSUBAHAT

Empat orang didenda kerana menghisap rokok di siang hari dalam bulan Ramadan. Mereka terdiri dari Awang Roslan bin Bujang berasal dari Kampong Lumapas, Awang Kadir bin Munap juga dari Kampong Lumapas, Awang Mohammad bin Hidup berasal dari Kampong Sungai Teraban. Ketiga-tiga mereka didenda $40.00 tiap-tiap seorang. Awang Burhanuddin bin Matra dari Kampong Sungai Teraban didenda sebanyak $30.00

Manakala dua orang yang lainnya dijatuhkan hukuman denda sebanyak $40.00 tiap-tiap seorang kerana didapati oleh Mahkamah Kadi Daerah Brunei dan Muara bersubahat memberikan minuman di siang hari dalam bulan Ramadan. Mereka ialah Awang Shahul bin Hameed Vatchamohideen berasal dari Jalan Tutong dan Awang Muhamad Sultan Tajudden dari Al-Hilal Restoran.

## Sambungan dari muka 1

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dilantik semula sebagai Pegawai Daerah Belait dari tahun 1971 hingga 1974.

Kemudian pada 1 Disember 1974, Yang Amat Mulia telah dilantik menjadi Speaker Majlis Mesyuarat Negeri Brunei sehingga Yang Amat Mulia dengan rasminya bersara pada 14 Disember 1981 ketika berusia 74 tahun.

GELARAN

Sebagai mengenang jasa Yang Amat Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan gelaran cheteria iaitu YANG AMAT MULIA PENGIRAN JAYA NEGARA pada 16 Mei, 1968. Sebelum Yang Amat Mulia dikurniakan gelaran sebagai YANG AMAT MULIA PENGIRAN SERI UTAMA pada 7 Mac 1968.

**Sepanjang perkhidmatan**nya kepada negara, Yang Amat Mulia telah menerima Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kebesaran Negara Brunei Darussalam antaranya ialah DK, DSNB, POAS, PHBS dan PJK. Yang Amat Mulia juga dianugerahkan pingat Member of the British Empire (MBE) dari Ratu Elizabeth.

Semasa menjadi Speaker Majlis Mesyuarat Negeri, Yang Amat Mulia pernah mengetuai rombongan ke Hongkong dan Filipina untuk meninjau Dewan Majlis Mesyuarat dan perkembangan ekonomi negara-negara tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar adalah juga merupakan sebagai ahli rombongan yang merundingkan mengenai Perlembagaan Negeri Brunei ke London dalam tahun 1959.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah mendirikan rumahtangga dengan Yang Mulia Pengiran Hajjah Intan binti Pengiran Abd. Rahman. Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara dikurniakan lapan orang anak, 32 orang cucu dan 12 orang piut.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara adalah Ayahanda mertua kepada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna puteri kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan Negara Brunei Darussalam. — JI(sumber dengan kerjasama Pusat Sejarah).

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.